قليتا بروني
PELITA BRUNEI
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
70 TAHUN 1956-2026
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

**MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان**

DARIPADA Ibnu Abbas, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud : "Tidak ada amal soleh yang lebih afdal daripada amal soleh pada hari-hari ini (10 hari pertama bulan Zulhijah). Para sahabat bertanya : Dan tidak juga jihad (mampu menandinginya)? Baginda menjawab : Dan tidak juga jihad (mampu menandinginya), kecuali seorang yang keluar berjuang dengan jiwa dan hartanya lalu dia tidak kembali dengan suatu apa pun (mati syahid)".
(Hadis riwayat Imam Bukhari).

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.34 | SUBUH 4.44 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.40 | MAGHRIB 6.27 | ISYAK 7.41
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 59 | 18 MEI 2026 / 1447 ذوالقعدة 30 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

# BERANGKAT TIBA DI BERLIN BAGI KEBERANGKATAN RASMI



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Berlin bagi mengadakan Keberangkatan Rasmi ke Republik Persekutuan Jerman. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said (*Lihat muka 3*)

## Peluang generasi belia kenali, dalami budaya warisan tempatan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman

**LAMUNIN**, Ahad, 17 Mei. - Acara komuniti Glam Kampung Galore Edisi Ketiga bertemakan 'Adau Gayoh - Reculture' dihasrat untuk mempromosikan lagi budaya tradisi masyarakat Sang Jati Dusun di negara ini, selain menyuntik kesedaran dalam kalangan belia agar lebih peka terhadap komuniti sekeliling serta menjadi platform untuk mereka berkongsi projek dan usaha yang sedang dijalankan.

Diadakan bersempena Sambutan Adau Gayoh Sang Jati Dusun yang diraikan setiap bulan Mei, acara ini merupakan usaha sama antara Eco Ponies Garden dengan Biro Pelancongan dan Biro Belia di bawah Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lamunin, Vil Laju dan Tautani.

>> Muka 5

## NBD sambut Aidiladha pada 28 Mei

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BERAKAS**, Ahad, 17 Mei. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei dengan ini memaklumkan bahawa ketetapan 1 Zulhijah 1447 Hijrah bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) jatuh pada Selasa, 19 Mei 2026 Masihi.

Hasil Merukyah Anak Bulan Zulhijah 1447H pada petang tadi diumumkan secara langsung oleh Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri.

>> Muka 3

## 244 warga JPM terima Pingat Kerja Lama

Oleh : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 16 Mei. - Penganugerahan Pingat Kerja Lama (P.K.L) merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada para penjawat awam yang berkhidmat lebih 20 tahun.

Di samping mempunyai rekod perkhidmatan yang baik, pengiktirafan tersebut juga dapat meningkatkan motivasi para penerima untuk terus mencurahkan bakti kepada kerajaan dan negara.

>> Muka 4

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama



REBUT keberkatan Zulhijah dengan memperbanyakkan amal kebajikan Muka 4



UBD lakar sejarah menerusi misi benih pertama NBD ke ISS Muka 6



USAHA memperkukuh penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Muka 18




MEMANFAATKAN kayu terbuang Muka 20

# Persidangan FAO jadi platform perkukuh daya tahan sistem agrimakanan



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berucap pada Majlis Pembukaan Rasmi Sesi Ke-38 Persidangan Serantau Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Asia dan Pasifik pada Khamis, 23 April 2026 yang berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

**Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Anbiya'e Wal Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**ALHAMDULILLAH**, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Mengadap Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Hamba Duli Tuanku dengan penuh hormat dan takzim, selaku wakil Menteri-menteri dan Delegasi Negara-negara Anggota Serantau Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Asia dan Pasifik serta keseluruhan Ahli Jawatankuasa Pandu dan Jawatankuasa Kerja bagi 38th Session of the Food and Agriculture Organization (FAO) Regional Conference for Asia and the Pacific (APRC) sukacita menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Duli Tuanku di atas keberangkatan Duli Tuanku ke Majlis Pembukaan Rasmi 38th Session of the FAO APRC selaku tetamu kehormat dan seterusnya berkenan mengurniakan sabda serta merasmikan Majlis Pembukaan Rasmi persidangan ini.

Alhamdulillah, dengan penuh rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, dengan izin dan rahmat-Nya jua, Majlis Perasmian 38th Session of the FAO APRC dapat dilangsungkan pagi ini.

Sesungguhnya, keberangkatan Duli Tuanku ke majlis ini akan menjadi dorongan dan ristaan kepada abis hamba Duli Tuanku sekalian yang ikut serta menghadiri Persidangan 38th Session of the FAO APRC yang diadakan di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada tahun ini.

Sebelum Hamba Duli Tuanku meneruskan sembah alu-aluan ini, Hamba Duli Tuanku dengan penuh takzim menjunjung sabda perkenan Duli Tuanku menyampaikan sepatah dua kata kepada para perwakilan dan delegasi dari luar negara ke majlis perasmian ini di dalam bahasa Inggeris.

Pertama sekali, bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, saya amat berbesar hati mengalu-alukan Tuan Yang Terutama Dr. QU Dongyu, Ketua Pengarah Pertubuhan Makanan dan Pertanian, Menteri-menteri Ketua-ketua Delegasi, wakil terhormat dari seluruh rantau Asia-Pasifik. Kehadiran awda mencerminkan kepentingan persidangan ini dan komitmen bersama kami untuk menyokong keselamatan makanan dan sistem agrimakanan yang mampan.

Izinkan saya juga, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, kepada Tuan Yang Terutama Mahinda Amaraweera, bekas Menteri Pertanian Sri Lanka, atas kepimpinan TYT pada sesi sebelumnya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Sekretariat FAO atas sokongan berterusan dan penganjuran persidangan ini yang cemerlang.

Persidangan kali ini berlangsung ketika rantau kita berdepan pelbagai cabaran. Kita berhadapan dengan kesan gabungan kebolehubahan iklim, tekanan sumber dan rantaian bekalan global yang berkembang. Cabaran ini memerlukan bukan sahaja pertimbangan yang teliti tetapi juga penyelesaian kolektif.

Tanggungjawab bersama kita adalah jelas, untuk mengukuhkan keselamatan makanan dan untuk menjamin masa depan yang lebih berdaya tahan untuk rantau kita. Ini memerlukan kita bukan sahaja untuk bertukar-tukar pandangan tetapi untuk memajukan penyelesaian praktikal, diselaraskan, dan mampu dilaksanakan.

Selaku menteri-menteri, kita diamanahkan untuk memastikan perbincangan ini membawa kepada hasil yang jelas dan bermakna yang responsif kepada keutamaan negara sambil mengukuhkan kerjasama serantau.

Dengan berbuat demikian, keputusan kita mesti kekal pragmatik dalam pendekatan, inklusif dalam perspektif, dan berpandangan jauh ke hadapan. Ini penting untuk mencerminkan kepelbagaian rantau kita sambil memajukan matlamat bersama kita.

Persidangan ini menyediakan platform penting untuk kita menyemak kemajuan, berkongsi pengalaman praktikal dan memperdalam perkongsian merentas pertanian, perikanan dan perhutanan.

Usaha kolektif kita akan menyumbang secara bermakna untuk memajukan matlamat pembangunan mampan, terutamanya dalam mengukuhkan keselamatan makanan, meningkatkan daya tahan dan meningkatkan mata pencarian di seluruh Asia dan rantau Pasifik.

>> Muka 7

## WAKTU SEMBAHYANG

| MEI MASIHI | HARI | ZULKAEDAH HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 18 | ISNIN | 30 | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.40 | 6.27 | 7.41 |
| 19 | SELASA | 1 ZULHIJAH | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.40 | 6.27 | 7.41 |
| 20 | RABU | 2 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.41 | 6.27 | 7.41 |
| 21 | KHAMIS | 3 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.41 | 6.28 | 7.42 |
| 22 | JUMAAT | 4 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.41 | 6.28 | 7.42 |
| 23 | SABTU | 5 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.41 | 6.28 | 7.42 |
| 24 | AHAD | 6 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.42 | 6.28 | 7.42 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 33 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 32 25 °C | 33 25 °C | 33 25 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 32 25 °C | 33 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 18 MEI 2026

### Jururawat, bidan : Profesion mulia untuk masyarakat

**SETIAP** tahun, Hari Jururawat Antarabangsa atau International Nurses Day (IND) disambut pada 12 Mei dan Hari Bidan Antarabangsa atau International Day of Midwife (IDM) disambut pada 5 Mei. Di Negara Brunei Darussalam (NBD), IND dan IDM ini digabungkan dan diraikan serentak pada setiap 12 Mei dan ia dinamakan sebagai Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa atau International Nursing and Midwifery Day (INMD).

Sambutan ini adalah untuk memperingati dan menghargai jasa serta sumbangan para jururawat dan bidan di NBD, di samping memperkukuhkan perpaduan, kerjasama dan profesionalisme dalam bidang kejururawatan dan perbidanan merangkumi sektor kerajaan, swasta, institusi pendidikan kejururawatan serta persatuan-persatuan kejururawatan.

Tidak dinafikan bidan dan tugasan seseorang jururawat sangat besar dalam menyediakan khidmat untuk merawat pesakit di hospital. Sumbangan mereka seiring pentingnya dengan tugasan seorang doktor.

Sumbangan bakti seseorang jururawat atau bidan kepada masyarakat tidak dapat dipertikaikan lagi. Mereka yang selama ini bekerja siang malam tanpa menghitung waktu demi amanah yang digalas. Mereka juga sentiasa berhadapan dengan segala cabaran dalam dunia pekerjaan mereka apabila ada ketidakpuasan hati segelintir masyarakat dengan perkhidmatan yang diberikan.

Justeru, kita yang memerlukan perkhidmatan mereka juga perlu bertimbang rasa serta sabar dan empati kerana mereka juga mahukan yang terbaik untuk pesakit yang dirawat. Seseorang jururawat atau pun bidan seperti juga seorang doktor, khidmat dan sumbangan bakti mereka amat diperlukan oleh masyarakat. Meskipun cara perkhidmatan agak berbeza tetapi mereka adalah 'pejuang kemanusiaan' yang berjihad di jalan Allah dengan menyalurkan apa yang terdaya demi memastikan pesakit mereka dalam keadaan sihat.

Jururawat bukan sekadar penjaga pesakit tetapi juga orang yang sentiasa menyokong emosi bagi pesakit dan keluarga. Kata-kata semangat serta nasihat walaupun sedikit sangat bererti bagi pesakit ataupun keluarga. Begitu juga peranan bidan sangat dihargai terutama sekali bagi bakal ibu yang pertama kali melalui pengalaman sedemikian. Layanan lembut serta pemedulian sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kesakitan yang dideritai.

Tanpa jururawat mahupun bidan, sistem kesihatan akan pincang kerana mereka memastikan setiap pesakit mendapat perhatian dan rawatan berterusan. Kekuatan dan kesabaran mereka melayani kerenah pesakit adalah komitmen terbesar mereka.

Kesimpulannya jururawat atau bidan adalah wira yang sering tidak kelihatan tetapi sentiasa ada ketika diperlukan. Sambutan INMD pada 12 Mei 2026 bukan sekadar sambutan semata-mata tetapi satu pengiktirafan terhadap pengorbanan mereka yang menjaga kesihatan masyarakat tanpa mengenal penat lelah. Penghargaan dan pengiktirafan wajar diberi kepada semua jururawat dan bidan di seluruh negara, atas komitmen dan dedikasi mereka dalam memberikan perkhidmatan perawatan kesihatan yang berterusan. **- Ketua Penyuntingan (Ri)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتربيتكن اوله جابتن ڤنرڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Berangkat tiba di Berlin bagi Keberangkatan Rasmi



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat tiba di Berlin. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.**

**BERLIN, REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN**, Ahad, 17 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Berlin bagi mengadakan Keberangkatan Rasmi ke Republik Persekutuan Jerman, pagi tadi.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Berlin Brandenburg dijunjung oleh Acting Chief of Protocol, Kementerian Luar Negeri Republik Persekutuan Jerman, Mr. Volker Timmermann.

Juga hadir bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Republik Persekutuan Jerman, Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Krtini binti Pengiran Haji Mohd. Tahir; para pegawai dan kakitangan Kedutaan Besar NBD di Berlin; rakyat dan penduduk serta para penuntut NBD yang berada di Republik Persekutuan Jerman.

Hubungan diplomatik antara NBD dan Republik Persekutuan Jerman telah terjalin secara rasmi pada 1 Mei 1984. Sepanjang empat dekad yang lalu, kedua-dua buah negara telah membina asas kerjasama yang kukuh berasaskan rasa hormat dan kepentingan bersama.

Sambutan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik pada tahun 2024 menandakan satu mercu tanda penting dalam sejarah persahabatan ini, yang merangkumi pelbagai bidang penting termasuk perdagangan, pertahanan, pendidikan dan kesihatan.

Majlis Perjumpaan Kebawah DYMM bersama Tuan Yang Terutama Presiden Republik Persekutuan Jerman pada Isnin, 18 Mei 2026 di Villa Borsig, Berlin akan terus memperkukuh kerjasama dua hala antara NBD dan Republik Persekutuan Jerman.

# NBD SAMBUT AIDILADHA PADA 28 MEI



**PERSIDANGAN dihadiri sama oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Timbalan Mufti Kerajaan serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Majlis Ugama Islam Brunei (atas dan bawah).**

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi, Muhammad Asri Awang Haji Abas

**>> Muka 1**

Sehubungan itu, NBD akan menyambut Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1447H pada Khamis, 10 Zulhijah 1447H bersamaan 28 Mei 2026M.

Permakluman tersebut adalah daripada hasil persidangan mengenai keputusan merukyah anak bulan Zulhijah 1447H pada tahun ini dari tempat-tempat yang ditentukan dan ketetapan persidangan tersebut telah disembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Persidangan yang diadakan di Bilik As'syura, Tingkat 1, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Persidangan dihadiri sama oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@ Maidin serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Majlis Ugama Islam Brunei.

Pada tahun ini, lima buah lokasi telah ditetapkan untuk merukyah anak bulan Zulhijah 1447H, iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara di Bangunan Mutiara Exchange, Lebuhraya Tungku; Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara; dan Bukit Agok, Jerudong.

Manakala bagi Daerah Tutong bertempat di Bangunan Hilal Bukit Ambog; dan bagi Daerah Belait ialah di Bangunan Hilal Bukit Lumut.

Sebelum persidangan, Acara Keagamaan bagi Menunggu Hasil Merukyah Anak Bulan Zulhijah 1447H juga diadakan di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, KHEU yang dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Pelajar Tahun 11, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Muhammad Ishqal Ezairy@Abdul Mateen bin Mohammad Shahruni.

Diteruskan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Imam Tingkat 2, Masjid Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah, Kampung Sungai Kelugos, Daerah Tutong, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Muhammad Jalaluddin bin Junaidi.

Seterusnya, bacaan Tahlil dan Doa Arwah serta Doa Peliharakan Sultan dan NBD dipimpin oleh Pengiran Haji Mohd. Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar/Mokti, Pegawai Pemantau Zon 4 Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, yang kemudiannya mengimamkan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Manakala Azan Maghrib dikumandangkan oleh Imam Tingkat IV, Masjid Sufri Bolkiah Perpindahan Berakas, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Mohammad Aisamuddin@Aliomar bin Alias.

Sehubungan itu, Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha bagi NBD akan diadakan pada Khamis, 10 Zulhijah 1447H bersamaan 28 Mei 2026M di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara bermula pada pukul 7.30 pagi.



**SEMASA proses merukyah anak bulan Zulhijah 1447H diadakan di salah satu daripada lima buah lokasi yang telah ditetapkan (kanan).**



# REBUT KEBERKATAN ZULHIJAH DENGAN MEMPERBANYAKKAN AMAL KEBAJIKAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 16 Mei. - Bulan Zulhijah yang mana di dalamnya terdapat 10 hari pertama Zulhijah yang merupakan antara hari paling istimewa dalam Islam untuk memperbanyakkan amal ibadah seperti berzikir, berpuasa sunat, membaca Al-Quran, bersedekah serta melaksanakan ibadah korban.

Turut dikisahkan peristiwa Nabi Ibrahim Alaihissalam dan puteranya Nabi Ismail Alaihissalam sebagai teladan agung dalam menghayati nilai ketaatan dan pengorbanan demi menunaikan perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Peristiwa berkenaan menjadi lambang keikhlasan, keteguhan iman serta pengorbanan yang tinggi dalam kehidupan seorang Muslim. Oleh itu, umat Islam adalah diseru agar merebut keberkatan bulan Zulhijah dengan memperbanyakkan amal kebajikan, meningkatkan keimanan, memperbaiki akhlak serta memperkukuh hubungan sesama insan, selaras dengan tuntutan Islam dalam melahirkan masyarakat yang bertakwa, bersatu padu dan berdaya saing.

Demikian antara perkara yang disentuh di dalam tazkirah bertajuk 'Menyambut Kemuliaan Bulan Zulhijah' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Belait, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Abdul Khaliq bin Kamree, bagi menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-229 pada malam tadi.



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyertai Malam Munajat Kali Ke-229.**

Menyemarakkan acara Malam Munajat minggu ini ialah ahli jawatankuasa takmir, para belia dan jemaah dari Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lorong 3 Selatan Seria, Daerah Belait dan beberapa buah masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

Turut menyertai, warga kerja KHEU dan individu yang mengikuti program berkenaan secara maya dari kediaman masing-masing. Atur cara Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Penghulu Mukim Seria, Daerah Belait, Awang Mohammad Zairul Halfi bin Talip dari Masjid STKRJ Lorong 3 Selatan Seria, Daerah Belait yang bersiaran dari masjid berkenaan.

Diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Awang Mohammad Nur Syakirin bin Ahmad Mahmud, belia dari Masjid STKRJ Lorong 3 Selatan Seria, Daerah Belait. Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Imam Masjid STKRJ Lorong 3 Selatan Seria, Daerah Belait, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), KHEU, Awang Mohd. Shahirwandy bin Samsudin.

Sejurus selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Awang Alhadi bin Zainal Abidin, belia dari Masjid STKRJ Lorong 3 Selatan Seria, Daerah Belait. Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Bilal Masjid STKRJ Lorong 3 Selatan Seria, Daerah Belait, JHEM, KHEU, Awang Mustaqim bin Haji Mustafa.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan Doa Munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut *http://tiny.cc/munajatkheu*.

# 244 warga JPM terima Pingat Kerja Lama



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat kepada para penerima (kiri dan bawah kiri).**

**>> Muka 1**

Seramai 244 penerima P.K.L terdiri daripada para pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 2026 sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat di Dewan Bankuet, Bangunan JPM ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Pengurniaan pingat tersebut diharap akan menyuntik semangat para penerima untuk memberikan perkhidmatan dengan lebih cemerlang lagi pada masa akan datang.

## Memastikan projek dapat disiapkan dalam tempoh disasarkan, menepati piawaian

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 16 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ingin memaklumkan kepada orang ramai khususnya penduduk Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Lumut dan kawasan sekitarnya mengenai perkembangan terkini Projek Pembinaan Masjid Baharu RPN Kampung Lumut.

Berdasarkan kepada keterangan yang diperoleh dari Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan, projek pembinaan masjid berkenaan mengalami kelewatan berikutan penamatan kontrak kontraktor asal pada April 2026.

Penamatan kontrak berkenaan dibuat berikutan beberapa faktor yang berkaitan dengan prestasi pelaksanaan projek yang didapati tidak memenuhi keperluan serta spesifikasi yang telah ditetapkan.

Sehubungan itu, KHEU dengan kerjasama JKR, Kementerian Pembangunan sedang melaksanakan tindakan susulan termasuk proses pelantikan kontraktor baharu yang berkelayakan dan berkeupayaan bagi meneruskan pelaksanaan projek berkenaan.

Penyiapan projek berkenaan merupakan satu keutamaan. Oleh itu, segala usaha sedang dipergiat bagi memastikan projek berkenaan dapat disiapkan dalam tempoh yang disasarkan serta menepati piawaian mutu kerja yang berkualiti.

Langkah berkenaan penting bagi memenuhi harapan dan keperluan penduduk setempat serta para jemaah yang telah lama menantikan kemudahan masjid berkenaan sebagai pusat ibadah, pengembangan syiar Islam dan kegiatan keagamaan masyarakat.

Dalam kesempatan ini, KHEU merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas perhatian serta keprihatinan orang ramai terhadap Projek Pembinaan Masjid Baharu RPN Kampung Lumut berkenaan.

Adalah diharapkan penerusi maklumat yang disampaikan ini dapat memberikan penjelasan bahawa pihak-pihak yang berkenaan sentiasa komited dan berusaha untuk memastikan projek pembinaan masjid berkenaan dapat diteruskan dan disiapkan dalam tempoh yang munasabah agar ia dapat dimanfaatkan sebagaimana yang telah dirancang untuk faedah dan kemudahan penduduk, khususnya di RPN Kampung Lumut dan kawasan sekitarnya.

# PELUANG GENERASI BELIA KENALI, DALAMI BUDAYA WARISAN TEMPATAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika merasmikan acara Glam Kampung Galore Edisi Ketiga bertemakan 'Adau Gayoh - Reculture' dihasrat untuk mempromosikan lagi budaya tradisi masyarakat Sang Jati Dusun di negara ini.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas**

**>> Muka 1**

Hadir merasmikan acara tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, berlangsung di Eco Ponies Garden, Kampung Bang Nukat, di sini.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salminan bin Haji Burut; Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad; Ketua Kampung Lamunin serta Ahli-ahli MPK Lamunin.

Acara diwarnai dengan beberapa persembahan kebudayaan Puak Dusun termasuk pameran daripada organisasi-organisasi belia dan juga bazar komuniti.

Tema 'Reculture' dipilih sebagai usaha menghidupkan semula budaya dan tradisi masyarakat tempatan dengan pendekatan lebih segar dan kreatif, tanpa mengabaikan nilai asalnya.

Tema berkenaan mengetengahkan elemen pesta kampung sekitar tahun 1960-an yang masih dekat dengan kehidupan masyarakat dahulu, sekali gus memberi peluang kepada generasi muda mengenali budaya warisan tempatan dengan lebih mendalam.

Melalui acara ini, pihak penganjur berharap ia dapat memberi inspirasi kepada orang ramai untuk terus menghormati dan menghargai kepelbagaian etnik di Negara Brunei Darussalam.

Penganjur turut melahirkan rasa bangga melihat kerjasama erat dalam kalangan belia daripada etnik Kedayan, Bisaya, Dusun dan Puak Tutong yang bersama-sama berganding bahu sejak awal persiapan acara, termasuk dalam aspek logistik dan perkongsian idea.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika berinteraksi bersama organisasi-organisasi (atas), manakala gambar bawah, suasana sekitar acara tersebut yang diadakan di Eco Ponies Garden.




# Hari Terbuka AIP 2026 galak penyertaan projek inovasi berkualiti




SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat di Hari Terbuka Anugerah Inovasi Perdana 2026.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERAKAS**, Sabtu, 16 Mei. - Inovasi merupakan amalan teras dalam Perkhidmatan Awam sebagai pendekatan strategik yang menyumbang kepada kemajuan ekonomi, kesejahteraan rakyat dan daya saing negara.

Inovasi bukan sahaja tertumpu kepada penambahbaikan proses dalaman, malah merangkumi penghasilan penyelesaian terhadap cabaran semasa serta persediaan menghadapi pelbagai cabaran masa hadapan yang berpunca daripada fenomena global.

Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Ajman bin Haji Meludin menyatakan perkara tersebut semasa menyampaikan ucaptama selaku tetamu kehormat majlis pada Hari Terbuka Anugerah Inovasi Perdana (AIP) 2026 bertempat di Dewan Serbaguna, Bangunan Bahirah, Jabatan Audit, di sini.

Awang Ajman turut menegaskan bahawa dalam usaha memperkasa inovasi, warga Perkhidmatan Awam hendaklah mempunyai pemikiran yang tepat (*right mindset*), berani mencabar status quo,serta berpandangan jauh berasaskan keperluan sebenar rakyat.

Dalam masa yang sama, tambahnya, para pemimpin juga memainkan peranan penting dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif bagi membolehkan inovasi berkembang.

Dalam pada itu, ujar Awang Ajman, kerjasama strategik antara agensi kerajaan, institusi pendidikan serta sektor swasta amat penting dalam memperkukuh ekosistem inovasi negara serta menyokong pelaksanaan pendekatan dan penyelesaian baharu yang inovatif serta berimpak tinggi.

Dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD), JPM selaku Urus Setia AIP, Hari Terbuka ini merupakan aktiviti tahunan bertujuan untuk mempromosikan penyertaan AIP 2026 yang kini dibukakan kepada seluruh warga Perkhidmatan Awam dan projek kerjasama bersama sektor swasta, di samping memberikan pendedahan mengenai pelaksanaan projek inovasi dalam Perkhidmatan Awam.

Turut hadir pada Hari Terbuka itu ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Norfarizal bin Othman; Pemangku Pengarah Perkhidmatan Pengurusan, Pengiran Mohd. Fadly Harfinie bin Pengiran Haji Mohd. Kassim, selaku Pengerusi Majlis; ketua-ketua jabatan, rakan-rakan strategik daripada sektor swasta serta para pegawai dan kakitangan kerajaan.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat juga melawat pameran projek-projek inovasi daripada penyertaan AIP yang lalu.

Antara agensi yang menyertai pameran tersebut ialah Pusat Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan; Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kementerian Pendidikan; Bahagian Point of Care Testing, Jabatan Perkhidmatan Makmal, Pusat Jantung, Jabatan Kardiologi dan Unit Hematologi, Kementerian Kesihatan serta Universiti Teknologi Brunei, Kementerian Pendidikan.

Turut serta dalam pameran tersebut daripada rakan strategik sektor swasta ialah Brunei Innovation Lab dan Syarikat Imagine Sdn. Bhd.

Dalam usaha menggalakkan lebih banyak penyertaan, Kaunter Konsultasi AIP turut disediakan bagi memberikan panduan dan konsultasi kepada pihak yang berminat untuk menyertai AIP 2026. Tarikh tutup penyertaan AIP 2026 adalah pada 30 Mei 2026.

Untuk maklumat lanjut, pihak yang berminat boleh menghubungi Urus Setia AIP melalui e-mel *aip@msd.gov.bn* atau talian +673 2372064 / +673 2372065 / +673 2372066 sambungan 528 atau 529.

Penganjuran Hari Terbuka ini diharap akan dapat menyemarakkan budaya inovasi berterusan serta menggalakkan lebih banyak kementerian dan jabatan untuk menyertai AIP melalui projek-projek inovasi yang berkualiti dan berimpak dalam Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam.




PARA tetamu ketika mengunjungi pameran pada majlis tersebut yang telah mengambil tempat di Dewan Serbaguna, Bangunan Bahirah, Jabatan Audit.

# Pendaftaran PKBN kini dibukakan

**Siaran Akhbar : Bahagian Khidmat Bakti Negara**

**TEMBURONG**, Sabtu, 16 Mei. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN), sukacita ingin memaklumkan bahawa pendaftaran telah dibukakan bagi Program Khidmat Bakti Negara bagi Tahun 2026 yang akan dilaksanakan dengan tempoh enam bulan bermula pada 27 Jun 2026 hingga 24 Disember 2026 di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara, Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong.

Syarat-syarat kemasukan bagi menyertai program ini ialah belia berumur 20 hingga 25 tahun; warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan berdaftar di Pusat Pekerjaan Brunei, Jabatan Perdana Menteri.

Seterusnya, Indeks Jisim Badan 17.0 hingga 34.9; lulus pemeriksaan kesihatan oleh Kementerian Kesihatan dan dapat menyertai program secara sepenuh masa (tidak terikat dengan pekerjaan atau pengajian semasa jangka masa latihan) serta belum pernah mengikuti PKBN.

Belia-belia yang berminat dan menepati syarat-syarat kemasukan adalah dijemput hadir ke sesi jerayawara yang akan diadakan di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong pada Sabtu, 16 Mei 2026, pukul 10.00 pagi atau di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, pada Khamis, 21 Mei 2026, pukul 2.00 petang.

Maklumat lanjut boleh diperoleh di akaun Instagram rasmi *@p.k.b.n* dan sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi pihak BKBN melalui talian +673 5222017 atau melalui e-mel *pkbn.info@gmail.com*.

# ITQSHHB RAIKAN 44 PELAJAR BAHARU SESI 2026-2029

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BERAKAS,** Sabtu, 16 Mei. - Majlis Penerimaan Siswa-siswi Baharu Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) bagi Pengambilan Kali Ke-4, Sesi Pengajian 2026 hingga 2029 Masihi diadakan di Dewan Kuliah, ITQSHHB, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Bagi sesi pengajian kali ini, seramai 44 orang terdiri daripada 28 siswa dan 16 siswi yang baharu telah diterima masuk untuk mengikuti pengajian di peringkat Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat di ITQSHHB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku Ahli Lembaga ITQSHHB.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Akademik dan Peperiksaan ITQSHHB, pengetua-pengetua sekolah Arab, ibu bapa, siswa dan siswi yang diraikan serta para pegawai, guru dan kakitangan institut berkenaan.

Majlis dimulakan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran 'Qiraat Imam Warsh 'An Nafi" berserta inti sari ayat yang disampaikan oleh Awang Hassanil Muhtadi Al-Siddiqi bin Drs. Haji Ismuhadi; dan Awang Abdul Hadi Muayyad bin Haji Azrol, siswa Tahun 1 Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat Sesi 2026 hingga 2029M ITQSHHB.

Sejurus itu, ucapan alu-aluan daripada Pengetua ITQSHHB, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, diikuti ucapan daripada tetamu kehormat majlis.

Rektor UNISSA, dalam ucapannya mengongsikan ilmu qiraat khususnya di Negara Brunei Darussalam (NBD) semakin hari semakin digemari dan memperlihatkan perkembangan yang sangat positif.

Justeru kata Rektor UNISSA lagi, pihak ITQSHHB sememangnya perlu sangat bersedia menghadapi perkembangan berkenaan dan sentiasa komited untuk memantapkan lagi pengajian qiraat ini mengikut perkembangan semasa.

"Pada hari ini, kita berada dalam satu era yang amat mencabar dan memerlukan penyesuaian yang pantas dalam segenap aspek kehidupan, iaitu era yang dikenali sebagai era digital yang dipacu oleh kemajuan teknologi, khususnya dengan kehadiran Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI).

"Tidak dinafikan lagi, penggunaan AI dalam kalangan belia kini semakin berleluasa. Dari menjadi alat dalam membantu proses pembelajaran dan menghasilkan kandungan kreatif, sehinggalah AI telah menjadi sebahagian daripada kehidupan harian," ujar Rektor UNISSA lagi.

Namun begitu Rektor UNISSA menjelaskan kita harus sedar bahawa setiap teknologi mempunyai dua sisi, iaitu sisi positif dan sisi negatif.

Dari sudut positif tambah Rektor UNISSA lagi, AI akan menjadi satu alat yang bermanfaat jika digunakan dengan bijak dan beretika, dan dari sisi negatifnya, jika AI digunakan untuk tujuan yang tidak sihat, maka ia boleh membawa kepada pelbagai isu seperti penyebaran maklumat palsu, plagiarisme dan seumpamanya.

Justeru Rektor UNISSA menyeru kepada para siswa dan siswi agar tekun mengikuti pengajian yang disediakan oleh ITQSHHB dan bijak menggunakan AI sebagai alat bantu untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan kreativiti, bukan sebagai pengganti peranan dalam kemampuan berfikir dan kreativiti manusia.

"Tidak salah, malah sekarang ini adalah menjadi satu keperluan bagi para pelajar memanfaatkan penggunaan AI dalam membantu proses pembelajaran untuk menjadi lebih efisien dan dalam usaha meningkatkan kreativiti dan produktiviti, tetapi jangan sekali-kali mengabaikan nilai integriti, kejujuran, amanah ilmu, disiplin dan tanggungjawab sebagai seorang siswa dan siswi yang Hafiz dan Hafizah Al-Quran.

"Kerana penggunaan AI ini akhirnya memerlukan pertimbangan dan kebijaksanaan individu dalam mengesahkan maklumat yang diperoleh ini adalah sahih atau sebaliknya. Di sinilah pentingnya para pelajar untuk sentiasa berdamping dan merujuk ulul albab atau guru dalam memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat yang diperoleh melalui AI atau mana-mana platform teknologi maklumat masa kini," tegas Rektor UNISSA lagi.



**REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali selaku Ahli Lembaga Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.**

Di samping, Rektor UNISSA juga turut menekankan peranan ibu bapa dan pendidik yang amat penting dalam membimbing generasi muda dalam penggunaan teknologi dengan memastikan bahawa kemajuan teknologi hendaklah seiring dengan pembentukan sahsiah yang baik.

Rektor UNISSA turut menganjurkan agar kita bersama-sama memanfaatkan teknologi AI dengan penuh tanggungjawab demi masa depan yang lebih gemilang.

Beliau yakin dengan bimbingan para ibu bapa dan pendidik yang istiqamah, para siswa dan siswi yang diraikan pada hari ini mampu menjadi generasi yang bukan sahaja celik Al-Quran, celik ugama dan celik teknologi, tetapi juga berintegriti tinggi berpandukan nilai-nilai agama dan prinsip negara Melayu Islam Beraja.

Seterusnya, para hadirin menyaksikan tayangan video sebelum diteruskan dengan penyampaian Mushaf Qiraat kepada siswa dan siswi baharu yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan bacaan ikrar oleh siswa dan siswi baharu ITQSHHB Sesi 1447H/2026M yang diketuai oleh Awang Syazwan bin Mohd. Sidek, siswa Tahun 1, Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat institut berkenaan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pensyarah Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat, Dr. Sheikh Haji Mutiaa Al-Kabbani Mahmoud.

# UBD lakar sejarah menerusi misi benih pertama NBD ke ISS



**UNIVERSITI Brunei Darussalam dengan kerjasama Space Faculty yang berpangkalan di Republik Singapura, telah mengumumkan kejayaan pelancaran muatan benih pertama Negara Brunei Darussalam ke Stesen Angkasa Antarabangsa, menandakan satu pencapaian bersejarah negara.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**

**TUNGKU LINK**, Sabtu, 16 Mei. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Space Faculty yang berpangkalan di Republik Singapura, dengan bangganya mengumumkan kejayaan pelancaran muatan benih pertama Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS), sekali gus menandakan satu pencapaian bersejarah negara dalam bidang sains, penyelidikan dan inovasi.

Muatan tersebut merujuk kepada bahan saintifik yang dibawa menaiki roket atau kapal angkasa.

Dalam misi ini, benih-benih tempatan dihantar sebagai sebahagian daripada muatan saintifik tersebut. Muatan berkenaan telah dilancarkan pada 16 Mei 2026 pada pukul 5.45 pagi waktu tempatan menaiki roket Falcon 9 Block 5 yang dimiliki oleh SpaceX, yang membawa kapal angkasa Cargo Dragon 2 bagi misi Commercial Resupply Services (CRS-34) NASA dari Space Launch Complex 40 di Cape Canaveral Space Force Station, Florida.

Muatan tersebut akan mengelilingi bumi berulang kali sepanjang tempoh enam bulan yang mendedahkan benih-benih tersebut kepada keadaan ekstrem angkasa lepas yang tidak dapat direplikasi di bumi.

Muatan tersebut dijangka berlabuh di ISS pada 17 Mei 2026 sekitar pukul 7.00 malam waktu tempatan sebagai sebahagian daripada misi Commercial Resupply Services NASA, sekali gus menandakan fasa seterusnya bagi muatan penyelidikan angkasa pertama NBD di ISS.

Misi perintis ini meletakkan NBD dalam kalangan negara yang memajukan penyelidikan berasaskan angkasa lepas demi masa depan pertanian, ketahanan makanan dan kemampanan.

Diketuai oleh Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar (IBER) UBD, projek ini menghantar bahan benih terpilih ke orbit rendah bumi, di mana pendedahan kepada radiasi tinggi berpotensi menghasilkan variasi genetik baharu untuk saringan dan analisis saintifik selanjutnya di bumi.

"Ini merupakan satu pencapaian bersejarah bagi program sains angkasa lepas UBD. Penghantaran muatan benih ke ISS mencerminkan komitmen UBD dalam menerajui penyelidikan yang melangkaui sempadan dan membuka ruang baharu dalam bidang sains," jelas Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Kepentingan jangka panjang misi ini bukan hanya terletak pada pelancarannya, malah pada potensi penyelidikan dan pembangunan saintifik yang bakal dilaksanakan selepas benih-benih tersebut kembali ke bumi.

Setelah benih-benih tersebut kembali daripada orbit, UBD akan melaksanakan saringan mutasi dan analisis fenotip bagi mengenal pasti potensi menghasilkan varieti tanaman yang lebih baik, berdaya tahan dan berkualiti tinggi.

Projek ini memanfaatkan persekitaran unik angkasa lepas untuk memperkukuh ketahanan makanan negara serta menyokong kemampanan pertanian jangka panjang.

Inisiatif ini juga merupakan pelaburan strategik dalam pembangunan modal insan negara. Ia menyediakan platform bernilai tinggi untuk melatih pelajar, penyelidik muda dan bakal pemimpin saintifik dalam bidang sains tumbuhan, penyelidikan biodiversiti, analisis mutasi, metodologi saringan serta aplikasi penyelidikan berkaitan angkasa lepas, di samping memperkukuh keupayaan NBD dalam bidang penyelidikan moden dan berteknologi tinggi, yang mempunyai kepentingan langsung kepada negara.

Pencapaian ini adalah hasil daripada Memorandum Persefahaman (MoU) antara UBD dan Space Faculty yang bertujuan memajukan pendidikan serta teknologi angkasa lepas di rantau ASEAN.

Melalui kerjasama antarabangsa ini, UBD terus menempatkan NBD sebagai antara negara yang berpandangan jauh dan ke hadapan dalam ekonomi angkasa lepas global.

UBD kini merupakan institusi terulung di NBD dalam memacu penyelidikan dan teknologi angkasa lepas, dengan beberapa pencapaian penting dicatatkan dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

UBD juga merupakan Sekretariat Jawatankuasa Kebangsaan Penyelidikan Angkasa Lepas (COSPAR) yang berperanan memajukan usaha penyelidikan berkaitan angkasa lepas di peringkat negara, di samping memperkukuh pembangunan kapasiti, pendidikan dan kesedaran sains angkasa lepas di NBD.

Space Faculty ialah sebuah organisasi berpangkalan di Republik Singapura yang memberi tumpuan kepada pendidikan angkasa lepas, program satelit dan penjangkauan STEM di seluruh Asia Tenggara.

Melalui kerjasama dengan universiti dan institusi terkemuka, Space Faculty komited untuk menginspirasikan generasi baharu saintis, jurutera dan inovator angkasa lepas.

# PENDUDUK UNDI, PILIH CALON KETUA KAMPUNG KIARONG KAWASAN 1




**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**KAMPUNG KIARONG**, Ahad, 17 Mei. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kiarong Kawasan 1, Mukim Gadong 'B' diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, Kampung Kiarong dengan menggunakan kaedah kertas undi. Manakala pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah pun bermula pada 12 Mei yang lalu.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing; Pegawai Tugas-Tugas Khas selaku wakil Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Muhamad Haziq bin Arshad, penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku-pemangku ketua kampung di Mukim Gadong 'B'.




**PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat majlis. Juga hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Belimbing (atas), manakala gambar atas kiri, calon Ketua Kampung Kiarong Kawasan 1, Mukim Gadong 'B', iaitu Awang Muhammad Najib bin Haji Abd. Hamid.**

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdullah.

Majlis Pengundian dan Pemilihan bagi Calon Ketua Kampung Kiarong Kawasan 1, Mukim Gadong 'B' menyaksikan Awang Muhammad Najib bin Haji Abd. Hamid mendapat sebanyak 124 undian setuju manakala tidak ada undian tidak setuju dan undian rosak. Awang Muhammad Najib, berumur 35 tahun, mempunyai kelulusan 1 kredit dalam Peperiksaan GCE Peringkat 'A' pada tahun 2010.

Beliau dicadangkan oleh Awang Omarsidi bin Haji Ahmad, disokong oleh Awang Haji Puasa bin Haji Dullah selaku Penyokong Pertama dan Awang Haji Ahmad bin Haji Tudin selaku Penyokong Kedua.

Keputusan pengundian dan pemilihan calon ketua kampung akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, KHEDN bagi proses selanjutnya.

# Pengundian, pemilihan calon Ketua Kampung Rimba Kawasan 2

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi**

**RIMBA**, Ahad, 17 Mei. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Rimba Kawasan 2, Mukim Gadong 'A', berlangsung di Sekolah Rendah Alif, Rimba dengan menggunakan kaedah kertas undi.

Manakala pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah pun bermula pada Jumaat, 15 Mei 2026 yang lalu.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba, Awang Mohd. Adham bin Hashim.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Rimba Kawasan 2, Mukim Gadong 'A', menyaksikan Awang Mohd. Khairul Anwar bin Matshah, mendapat sebanyak 56 undian setuju.

Awang Mohd. Khairul Anwar, berusia 33 tahun, berkelulusan Bachelor of Science (Major in Mathematics) dari Universiti Brunei Darussalam tahun 2016.

Hadir ke majlis tersebut ialah Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohammad Abdul Hadi bin Haji Mohammad Syarifuddin.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, selaku wakil Daerah Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara, dan juga Ketua Kampung Putat, Mukim Lumapas.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.




**CALON Ketua Kampung Rimba Kawasan 2, Mukim Gadong 'A', Awang Mohd. Khairul Anwar bin Matshah (atas), manakala gambar bawah dan bawah sekali, antara yang hadir di majlis berkenaan yang telah berlangsung di Sekolah Rendah Alif, Rimba.**






## HALUAN

>> Muka 2

Di NBD, kami kekal komited untuk memajukan sistem pertanian makanan yang mampan, berdaya tahan dan berpandangan jauh ke hadapan dan kami berharap dapat mengukuhkan perkongsian dengan awda semua dalam usaha bersama ini.

Teras perbincangan kita ialah objektif bersama : untuk membina sistem pertanian makanan yang berdaya tahan, inklusif dan mampan untuk generasi sekarang dan akan datang.

Di sebalik agenda yang meluas di hadapan kita, saya yakin berpandukan tujuan dan semangat kerjasama yang dikongsi bersama, perbincangan kita akan membawa kepada hasil yang bermakna dan berpandangan jauh ke hadapan.

Jadikan persidangan ini bukan sahaja mengukuhkan kerjasama kita, tetapi juga mengesahkan keazaman kolektif kita untuk menyampaikan kemajuan yang nyata dan berkekalan untuk rakyat kita dan rantau kita.

Akhir sekali, dengan penuh rasa hormat, bagi pihak Menteri-menteri dan Delegasi FAO APRC serta seluruh Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Kerja 38th Session of the FAO APRC, izinkan saya menjunjung kasih kepada Duli Yang Teramat Mulia kerana memeriahkan persidangan ini.

Akhir sekali, saya mengucapkan selamat bersidang kepada semua delegasi dan semoga persidangan ini membuahkan kejayaan. Saya juga berharap TYT, Perwakilan Yang Dihormati, akan mendapat penginapan yang menyenangkan dan tidak dapat dilupakan sepanjang berada di NBD. Beribu Ampun.

Sekian sahaja ucapan Hamba Duli Tuanku kepada perwakilan dan delegasi dari luar negara yang menghadiri persidangan ini.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

PELITA BRUNEI

# MEMPERTINGKATKAN KESEDARAN, MEMBANTERAS JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



**BELAIT,** Ahad, 17 Mei. - Dalam usaha mempertingkatkan kesedaran serta memperkukuh inisiatif membanteras jenayah pemerdagangan orang di Negara Brunei Darussalam (NBD), Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia (USPM), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengadakan Taklimat Jerayawara Mengenai Jenayah Pemerdagangan Orang kepada petugas barisan hadapan yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan di The Sea View Resort Hotel and Apartments, Belait.

Objektif utama taklimat tersebut diadakan adalah untuk mendidik serta meningkatkan kesedaran peserta mengenai kaedah mengenal pasti individu yang berpotensi menjadi mangsa jenayah pemerdagangan orang di negara ini.

Dalam taklimat berkenaan, pihak penguat kuasa dan agensi barisan hadapan disarankan agar sentiasa berwaspada serta peka dalam mengenal pasti identiti dan keadaan tetamu yang berkemungkinan terjebak atau dieksploitasi sebagai mangsa pemerdagangan manusia.

Kerjasama daripada pihak pengurusan dan kakitangan hotel amat diperlukan dalam memainkan peranan penting untuk sama-sama membantu PPDB membanteras jenayah pemerdagangan manusia serta memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat sentiasa terpelihara.

**UNIT Siasatan Pemerdagangan Manusia, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei semasa mengadakan Taklimat Jerayawara Mengenai Jenayah Pemerdagangan Orang (kiri dan bawah).**



# Sentiasa peka, tangani kejadian kebakaran



**ANTARA yang hadir berpeluang menyaksikan serta menyertai sesi praktikal tatacara memadam kebakaran api menggunakan alat pemadam api.**

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**KASAT,** Sabtu, 16 Mei. - Lebih kurang 80 orang terdiri daripada para penduduk Kampung Kasat dan warga Sekolah Rendah Kasat termasuk murid-murid sekolah tersebut hadir mendengarkan Taklimat Keselamatan Kebakaran, hari ini.

Hadir pada taklimat yang bertempat di Dewan Al-Bayinnah Sekolah Rendah Kasat di sini ialah Ketua Kampung Kasat, Awang Haji E'riffin bin Haji Mohd. Yusof; Guru Besar sekolah tersebut, Dayang Raidah binti Haji Juni dan Pengerusi PIBG, Mohd. Najib bin Haji Mohd. Yassin.

Majlis anjuran PIBG itu dimulakan dengan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Jaharnor bin Haji Rungging.

Seterusnya Taklimat Keselamatan Kebakaran disampaikan oleh Pemangku Penolong Pegawai Balai Bomba, Awang Haji Ashri bin Haji Apong yang antara lain menerangkan misi Jabatan Bomba dan Penyelamat iaitu mengurangkan kadar kejadian akibat kebakaran dan bertindak dengan cara profesional bagi menangani apa-apa jua panggilan kecemasan.

Awang Haji Ashri dalam taklimatnya juga menjelaskan skop perkhidmatan khas yang melibatkan JBP antaranya kejadian terperangkap dalam lif, kimia berbahaya tumpah dan mudah terbakar, kemalangan kereta melibatkan nyawa, pokok tumbang terkena rumah, insiden gangguan binatang liar, loceng kecemasan berbunyi, kemalangan perahu dan mencari mangsa lemas, tanah susur melibatkan nyawa, kebakaran, percubaan membunuh diri, kemalangan industri dan juga kejadian gas bocor.

Fungsi alat pemadam api juga diterangkan dalam taklimat berkenaan yang berfungsi bagi memadam kebakaran kecil dan memadam api saat akan terjadi kebakaran / mencegah kebakaran serta sebagai alat bantu untuk menyelamatkan diri semasa kebakaran.

Menurutnya, kelas-kelas api dan alat pemadam api itu mengikut klasifikasi tertentu iaitu Kelas 'A' (jenis air) memadamkan kebakaran seperti kayu, kain dan kertas. Manakala Kelas 'B' (jenis buih) memadamkan kebakaran melibatkan bahan cecair dan gas mudah terbakar seperti minyak, cat dan gas asli.

Sementara Kelas 'C' (jenis karbon dioksida) memadamkan kebakaran yang berpunca seperti elektrik dan gas. Kelas 'D' (jenis serbuk kering) memadamkan kebakaran seperti Kelas-kelas 'A', 'B' dan 'C'.

Selain insurans rumah, Awang Haji Ashri juga menyarankan agar setiap rumah untuk mempunyai alat pemadam api sebagai langkah persediaan jika terjadi sebarang kejadian.

Para yang hadir juga berkesempatan menyaksikan sesi praktikal tatacara memadam kebakaran api tambak menggunakan alat pemadam api dan kain basah serta pengendalian LPG (tong gas) selepas penerangan taklimat dijalankan.

Adanya taklimat dan sesi praktikal tersebut diharap akan memberikan pengetahuan dan pengajaran dalam menangani dan menghadapi sebarang kejadian dan sentiasa peka untuk membuat aduan terus menghubungi panggilan Talian Kecemasan Bomba 995.

# Memperkukuhkan industri makanan, perusahaan tempatan

**BERAKAS,** Sabtu, 16 Mei. - Sebanyak 13 vendor tempatan telah menyertai acara Nasi Katok Kitani yang telah bermula pada 15 sehingga 17 Mei 2026 di Santai De Indoor, Stadium Tertutup Hassanal Bolkiah, Berakas.

Acara ini merupakan sebuah inisiatif khas yang mengetengahkan makanan ikonik tempatan iaitu Nasi Katok dengan penglibatan vendor tempatan yang menjual pelbagai variasi Nasi Katok sepanjang acara berlangsung.

Kesemua vendor yang menyertai program ini menggunakan beras tempatan yang ditaja sepenuhnya oleh Wasan Milling Company (WMC), salah satu pengeluar beras tempatan Negara Brunei Darussalam.

Beras yang digunakan dalam acara ini juga merupakan antara produk tempatan yang belum dilancarkan secara rasmi kepada orang ramai dan Nasi Katok Kitani menjadi platform awal untuk memperkenalkan hasil tempatan tersebut kepada masyarakat.

Acara ini dianjurkan oleh TSS Event Management dengan kerjasama WMC sebagai satu usaha bagi mewujudkan ekosistem sokongan tempatan yang lebih mampan, bermula daripada pembekal, pengeluar, penternak sehingga kepada peniaga makanan tempatan.

Selain itu, acara ini turut mendapat sokongan daripada Mufariff Farming, sebuah syarikat tempatan yang terlibat dalam industri penternakan ayam tempatan. Kerjasama ini secara tidak langsung memperlihatkan bagaimana mempelbagaikan sektor tempatan dapat bergerak bersama dalam memperkukuhkan industri makanan dan perusahaan tempatan negara.

Tujuan utama acara ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada orang ramai merasai sendiri penggunaan beras tempatan dalam makanan Nasi Katok dan menyokong usahawan dan vendor makanan tempatan untuk menggalakkan penggunaan produk keluaran tempatan dengan membantu membina jaringan dan ekosistem perniagaan tempatan yang saling menyokong antara pengeluar dan penjual.




**ACARA Nasi Katok Kitani yang diadakan baru-baru ini adalah sebuah inisiatif khas yang mengetengahkan makanan ikonik tempatan iaitu Nasi Katok dengan penglibatan vendor tempatan yang menjual pelbagai variasi Nasi Katok (atas dan bawah).**

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



# BENGKEL MEMPERBAIKI, MENYEMPURNAKAN IBADAH WUDHU

**Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami**

**TUTONG**, Ahad, 17 Mei. – Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong (MHBPT) di bawah kelolaan Kumpulan Lajnah Pendidikan MHBPT dengan sokongan Kumpulan Belia 'IbadurRahman MHBPT dan Muslimah Takmir MHBPT hari ini mengadakan Bengkel Kesempurnaan Ibadah Fardu Ain - Wudhu di Dewan Al-Mau'izah, MHBPT.

Seramai 60 orang yang berdaftar telah menyertai bengkel berkenaan yang dibukakan kepada semua lapisan peringkat usia daripada golongan kanak-kanak sehingga warga emas.

Bengkel berkenaan telah disampaikan oleh Penolong Profesor, Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar, selaku fasilitator bengkel.

Antara yang hadir bagi sama-sama mengikuti bengkel berkenaan ialah Ketua Imam, MHBPT, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin yang juga selaku Pengerusi Majlis; dan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir MHBPT.

Dalam ucapan alu-aluan, Penyelia Pendidikan dan Kebudayaan Islam dan juga Pengerusi Bersama Bengkel Kesempurnaan Ibadah Fardu Ain - Wudhu, Dayang Hajah Zainun binti Haji Md. Daud antaranya menjelaskan dengan adanya pelaksanaan bengkel sedemikian, ia menunjukkan satu kesungguhan langkah bersama untuk memperbaiki dan menyempurnakan ibadah wuduk yang merupakan kunci utama kepada sahnya solat.

Beliau antaranya juga menekankan bahawa walaupun tajuk bengkel itu nampak kecil namun hakikatnya ia mempunyai nilai besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala apabila dilakukan dengan sempurna dan ikhlas.

Dayang Hajah Zainun antaranya turut menekankan wuduk merupakan satu ibadah yang memerlukan kesempurnaan dalam pelaksanaannya. Ia juga menjadi asas kepada kesempurnaan ibadah solat fardu seseorang.

Tambahnya, walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan dalam pelaksanaan wuduk, sering timbul dalam masyarakat sekeliling kita beberapa permasalahan umum seperti ketidaksempurnaan dalam rukun wudhu; terbatalnya wuduk seperti disebabkan membuang air, keluar angin, tidur nyenyak, atau bersentuhan kulit dengan bukan mahram; bahkan terdapat juga kesalahan lazim seperti tidak meratakan air di celah-celah jari, bahagian tumit, atau membasuh tangan tidak sampai ke siku dan sebagainya.

Maka tujuan bengkel ini, ujar Dayang Hajah Zainun, pastinya ia dihasrat menjadi salah satu mekanisme bagi pihak masjid untuk menyampaikan bahawa wuduk itu adalah penting sebagai syarat sah ibadah seseorang Muslim. Dengan adanya pelaksanaan bengkel ini, ia juga diharap agar dapat memberikan pendedahan yang lebih jelas lagi di samping adanya contoh praktikal kepada para peserta tentang cara melaksanakan wuduk dengan betul dan sempurna sebagaimana yang dituntut dalam hukum syarak.

Keindahan bengkel berkenaan turut diakhiri dengan sesi penyampaian sijil kepada para peserta dan juga penyampaian cenderahati kepada fasilitator bengkel. Manakala bacaan Doa Selamat telah dipimpin oleh Imam MHBPT, Awang Sahibol Omar bin Haji Yussof.




**BENGKEL disampaikan oleh Penolong Profesor, Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar, selaku fasilitator bengkel.**

# Tingkatkan kesedaran intelektual, memupuk kemahiran berfikir




**PROGRAM tersebut telah dihadiri oleh seramai 21 peserta, di Dewan Muzakarah Perempuan, Masjid Universiti Brunei Darussalam, dengan harapan dapat melahirkan generasi belia yang berdaya tahan, berfikiran matang dan berpegang teguh kepada nilai-nilai Islam dalam menghadapi cabaran semasa.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Kemajuan Insan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 16 Mei. - Persatuan Kemajuan Insan (KESAN) telah berjaya meneruskan Program Catalyst Plus melalui penganjuran program keempat bertemakan Intellectual Resilience baru-baru ini di Dewan Muzakarah Perempuan, Masjid Universiti Brunei Darussalam, yang dihadiri oleh seramai 21 peserta.

Program ini dianjurkan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkasa belia melalui pembangunan sahsiah, pemikiran kritis dan kesedaran intelektual dalam menghadapi cabaran semasa. Ia juga selaras dengan aspirasi untuk melahirkan belia yang berdaya tahan, berpandangan jauh, serta mampu menyumbang secara positif kepada masyarakat dan negara.

Program dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Setiausaha Agung KESAN, Dayang Sarah binti Haji Abdul Mutalif, diikuti dengan sesi ceramah yang disampaikan oleh penceramah jemputan, Dayang Nur Fairuza Syahirah binti Haji Marsidi.

Dalam sesi tersebut, penceramah menekankan kepentingan ketahanan intelektual dan pemikiran kritis dalam kalangan belia, khususnya dalam menilai maklumat secara teliti di samping mengekalkan nilai dan identiti Islam yang kukuh.

Beliau turut menegaskan kepentingan berpegang teguh kepada ajaran Al-Quran dan sunnah serta mengambil pengajaran daripada kisah-kisah dalam Al-Quran sebagai panduan dalam menghadapi cabaran semasa.

Para peserta turut menyertai sesi perbincangan berkumpulan yang direka untuk mengaplikasikan pengetahuan yang diperoleh sepanjang program.

Melalui aktiviti tersebut, peserta digalakkan untuk menganalisis maklumat secara kritis, membezakan antara fakta dan pengaruh trend yang mengelirukan serta mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan harian.

Melalui program ini, KESAN berharap dapat melahirkan generasi belia yang berdaya tahan, berfikiran matang dan berpegang teguh kepada nilai-nilai Islam dalam menghadapi cabaran semasa.

Program ini juga bertujuan memperkukuh jati diri, meningkatkan kesedaran intelektual, serta memupuk kemahiran berfikir secara kritis dalam kalangan peserta agar dapat diaplikasikan dalam kehidupan harian, kepimpinan diri, dan sumbangan kepada masyarakat serta negara.

# SM SMJA raikan 57 pelajar cemerlang

**BERAKAS,** Sabtu, 16 Mei. - Seramai 57 pelajar Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) menerima Sijil Penghargaan BC GCE 'O' Level dan IGCSE 2025 pada Majlis Penyampaian Anugerah Cemerlang Akademik yang berlangsung di Auditorium Maktab SOAS, Bandar Seri Begawan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan kepada para pelajar, Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Profesional), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Suriani binti Haji Noor Hashim.

Seramai 25 pelajar dianugerahkan Anugerah Pelajar Cemerlang yang memperoleh kredit penuh lapan 'O' Level dan IGCSE, manakala empat pelajar menerima Anugerah Pelajar Cemerlang A.

Anugerah Pelajar Cemerlang Keseluruhan pula diberikan kepada Awang Muhd. Dinie Izz-Haikal bin Mohd. Dasuky yang memperoleh keputusan 3A*, 3A, 1B dan 1C.

Selain itu, seramai 23 guru menerima sijil dan trofi bagi subjek BC GCE 'O' Level dan IGCSE 2025, manakala 15 guru bagi School Progress Examination (SPE) 2025, atas menunjukkan kemajuan dalam mata pelajaran masing-masing.

Turut hadir, Pengetua SM SMJA, Dayang Hajah Nor Aisah binti Haji Mohamad Salleh; serta guru-guru, ibu bapa dan para pelajar.



**PENGETUA Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, Dayang Hajah Nor Aisah binti Haji Mohamad Salleh semasa menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan kepada para pelajar.**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**



**LAGU kebangsaan dinyanyikan oleh para pelajar sebagai sebahagian daripada atur cara majlis berkenaan.**

# BBC AKAN SERTAI BIIBBF DI KUCHING, SARAWAK

**Siaran Akhbar dan Foto : Kelab Penunggang Motosikal Bersatu Negara Brunei Darussalam**







**KELAB Penunggang Motosikal Bersatu Negara Brunei Darussalam (BBC) semasa mengadakan Majlis Membaca Doa Selamat bagi ahli kelab yang menyertai acara Borneo Island International Big Bike Festival (BIIBBF) di Kuching, Sarawak (atas dan kiri).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 16 Mei. - Kelab Penunggang Motosikal Bersatu Negara Brunei Darussalam (BBC) telah mengadakan Majlis Membaca Doa Selamat bagi ahli kelab yang menyertai acara Borneo Island International Big Bike Festival (BIIBBF) di Kuching, Sarawak pada 22 Mei hingga 24 Mei 2026.

Acara berlangsung di Hotel Jubilee, di ibu negara baru-baru ini.

Hadir ke acara berkenaan, Yang Dipertua BBC 10 Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi; Timbalan Yang Dipertua BBC 21 Pengiran Mohammad Aderus bin Pengiran Haji Tengah; Setiausaha BBC 18 Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Bakar; Penasihat Bersatu Bikers Club BBC 35 Awang Alex Quraine bin Haji Ali; dan ahli jawatankuasa tadbir serta Ahli BBC yang menyertai acara BIIBBF nanti.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh BBC 18 Pengiran Jaya, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Yang Dipertua BBC 10 yang antara lain menzahirkan rasa syukur buat kali pertamanya BBC menyertai BIIBBF buat Musim 2025 hingga 2027 dan mengucapkan berbanyak terima kasih atas sokongan dan kerjasama ahli yang telah melibatkan diri dalam acara berkenaan.

Beliau juga menjelaskan seramai 20 ahli yang akan menyertai acara berkenaan dengan enam penunggang motosikal yang akan menunggang motosikal masing-masing mereka, iaitu BBC 54 Awang Haji Yusof bin Haji Matdin; BBC 5 Awang Hamid bin Hassan; BBC 36 Awang Ismali bin Haji Bakir; BBC 76 Pengiran Putera Md. Amir Osman bin Pengiran Haji Matussin; dan BBC 152 Awang Hamzah bin Haji Abd. Latif yang diiringi oleh BBC 46 Awang Asrri bin Amadi; dan BBC 182 Dayang Royah binti Haji Mudin yang akan bertolak pada Rabu, 20 Mei 2026 dan akan dijangka sampai di Kuching pada Khamis, 21 Mei 2026 nanti.

Acara diteruskan dengan sesi motivasi yang disampaikan oleh Timbalan Yang Dipertua BBC 21 yang antara lain menekan bahawa kehadiran BBC di Kuching nanti tidak secara langsung sebagai salah sebuah kelab yang rasmi dari Negara Brunei Darussalam.

Beliau juga mohon kerjasama kepada semua ahli yang terlibat untuk sentiasa menjaga nama baik negara dan nama baik kelab serta sentiasa ingat akan keselamatan dan kesedaran ketika menunggang motosikal dengan cara yang betul, tenang dan bersabar.

Acara juga dimuatkan dengan taklimat keselamatan yang telah disampaikan oleh BBC 137 Awang Bahrin bin Haji Timbang selaku Pengerusi Keselamatan, Kebajikan dan Riadah BBC.

Beliau mengingatkan kepada ahli yang menunggang motosikal supaya akan sentiasa berhati-hati ketika menunggang motosikal dan memberikan pesanan yang boleh diguna pakai sepanjang keberadaan mengikut sistem dan *design* yang dikongsikan.

Penyampaian baju F1 yang rasmi merupakan baju yang baharu untuk Ahli BBC juga telah disampaikan oleh Timbalan Yang Dipertua BBC. Sementara Vest keselamatan pula disampaikan oleh Setiausaha BBC, manakala penyerahan bendera BBC dan insuran turut disampaikan oleh Yang Dipertua BBC. Penyampaian Topi Cap diserahkan oleh Penasihat BBC 35 dan juga wang saku untuk kebajikan ahli diserahkan oleh BBC 66 Haji Abdul Latip bin Hassan selaku Pengerusi Kewangan BBC.

Dalam acara berkenaan juga, BBC telah menerima kain rentang dari pihak WISA Company yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif WISA, iaitu Dayang Hajah Juliana binti Haji Nawi. Kain rentang berkenaan akan dibawa bersama di Kuching, Sarawak nanti.

# Sentiasa menyesuaikan diri dengan keperluan semasa

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**SALAMBIGAR,** Sabtu, 16 Mei. - Perkembangan teknologi yang pesat menuntut individu terutama tenaga kerja dan pelajar untuk sentiasa menyesuaikan diri dengan keperluan semasa.

Ini kerana perubahan berkenaan mempengaruhi cara pekerjaan atau pembelajaran dilakukan dan kemahiran yang diperlukan di pasaran kerja.

Dalam era digital pada masa ini, dunia pekerjaan dan pembelajaran sentiasa berubah dengan kemunculan teknologi, proses dan alat baharu.

Oleh itu, ia bukan sahaja menilai kelayakan akademik yang proaktif dalam mempelajari kemahiran baharu, tetapi hendaklah sentiasa meningkatkan kemahiran sedia ada.

Bidang-bidang pekerjaan atau pembelajaran yang menggunakan kaedah tradisional semakin terancam. Manakala pekerjaan baharu memerlukan kemahiran yang sangat berbeza seperti pengaturcaraan, analisis data, dan kecekapan digital yang tinggi.

Para pelajar pada masa kini perlu berdikari dan dilengkapi dengan kemahiran dalam menyelesaikan masalah, berfikiran kreatif dan berfikir di luar kotak. Apa yang lebih penting lagi, mereka perlu menjadi inovatif dan bersedia untuk masa depan.

Para pelajar juga perlu berupaya untuk menggunakan sepenuhnya teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pengajaran serta tidak takut kepada penggunaannya bagi memastikan mereka memperoleh banyak manfaatnya.

Dalam temu bual bersama salah seorang penuntut Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dayang Nur Afiqah Alisya binti Haji Ahmad Haziq berkata, kebaikan menggunakan digital yang canggih amat baik untuk semua lapisan masyarakat terutama sekali bagi para pelajar agar perlu memanfaatkan cara menggunakan digital seperti Kecerdasan Buatan (AI).

Menurutnya lagi, penggunaan AI berkenaan ada kebaikan dan juga keburukan bagi para pelajar atau belia sebagai contoh menggunakan ChatGPT semasa membuat *assignment* atau projek kerana ia memudahkan tetapi jika dilihat ia juga mampu menjejaskan keupayaan pemikiran sebagai pelajar.

"Bagi saya tidak salah menggunakan untuk menambah ilmu pemikiran tetapi perlu mengikut kebatasan agar tidak bergantung sepenuhnya pada AI.

"Dengan adanya digital yang lebih moden ini diharap agar kita menggunakannya lebih berhemah agar tidak mudah terpedaya dari segi kebaikan mahupun keburukan menggunakan AI," ujarnya lagi.




**DALAM era digital pada masa ini, dunia pekerjaan dan pembelajaran sentiasa berubah dengan kemunculan teknologi, proses dan alat baharu.**





**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Penglibatan Belia dalam Industri Pembinaan: Cabaran dan Peluang'.** Tarikh Tutup **: 20 Mei 2026**
2. **'Tingkatkan Kesedaran Pencegahan Penyakit Buah Pinggang'.** Tarikh Tutup **: 27 Mei 2026**
3. **'Kesedaran Awam terhadap Bahaya Buli'.** Tarikh Tutup **: 3 Jun 2026**

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# سرواڠ سوچي

# ممنفعتكن سڤولوه هاري ذوالحجة دڠن عمل يڠ دچينتاٴي الله

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤدنڽ. سسوڠڬوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ، براوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوڬ دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

كيني كيت براد دڤڠهوجوڠ بولن ذوالقعدة دان اكن ملڠكه ماسوق كبولن ذوالحجة. ذوالحجة مروڤاكن بولن يڠ سوچي دان ساڠت إيستيميوا، سارت دڠن ڤلواڠ كباجيقن سرتا ليمڤهن كبركتن درڤد الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ.

بولن ذوالحجة سريڠ دكنلي سباڬاي بولن عبادة حج دان عبادة قربان. نامون كإيستيميوأنڽ تيدق ترهنتي دسيتو. بهكن، سڤولوه هاري ڤرتام دالم بولن ذوالحجة اداله هاري-هاري يڠ أمت أڬوڠ، دڤنوهي كأوتامأن دان كمولياٴن يڠ تيڠڬي دسيسي الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ.

بتاڤ إيستيميواڽ سڤولوه هاري ڤرتام بولن ذوالحجة، سهيڠڬ عمل صالح يڠ دلاكوكن ددالمڽ لبيه أفضل بربنديڠ عمل ڤد هاري-هاري يڠ لاٴين. بهكن، كأوتامأن برعمل ڤد هاري-هاري ترسبوت دسبوت لبيه بسر درڤد عمل سلاٴين جهاد دجالن الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ. **درڤد إبن عباس** رَضِيَ ٱللَّهُ عَنْهُمَا، **رسول الله** صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ **تله برسبدا: مَا الْعَمَلُ فِي أَيَّامِ الْعَشْرِ أَفْضَلَ مِنَ الْعَمَلِ فِي هَذِهِ. قَالُوا: وَلَا الْجِهَادُ؟ قَالَ: وَلَا الْجِهَادُ، إِلَّا رَجُلٌ خَرَجَ يُخَاطِرُ بِنَفْسِهِ وَمَالِهِ، فَلَمْ يَرْجِعْ بِشَيْءٍ. مقصودڽ: تيدق اد عمل صالح يڠ لبيه أفضل درڤد عمل صالح ڤد هاري-هاري اين (سڤولوه هاري ڤرتام بولن ذوالحجة). ڤارا صحابت برتاڽ: دان تيدق جوڬ جهاد (ممڤو منندیڠين)؟ بڬيندا منجواب: دان تيدق جوڬ جهاد (ممڤو منندیڠين)، ككچوالي سأورڠ يڠ كلوار برجواڠ دڠن جيوا دان هرتاڽ لالو دي تيدق كمبالي دڠن سواتو اڤ ڤون (ماتي شهيد). {حديث رواية إمام بخاري}**

حديث اين منونجوقكن بتاڤ لواسڽ ڤينتو ڤهالا ڤد سڤولوه هاري ڤرتام بولن ذوالحجة ايت، كأوتامأن هاري-هاري اين بوكن سقدر منمبه بيلڠن عمل، تتاڤي ممبينا كواليتي تقوى ياٴيت إخلاص، إستقامة، بردسيڤلين دان رحمة. مک كيت هيدوڤكن هاري-هاري اين دڠن عمل-عمل يڠ سأيمبڠ، ممڤركوكوهكن عبادة كڤد الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ، ممڤرإنده أخلاق سرتا ممڤرباٴيقكن إحسان كڤد مأنسي.

جماعه يڠ درحمتي الله،

كيت سموا معلوم بهاوا ١٠ ذوالحجة اداله هاري راي عيدالأضحى، يڠ دإيسي دڠن تكبير، سمبهيڠ سُنة دان عبادة قربان. مک اڤكه عمل يڠ بوليه كيت ڤرباٴيقكن سڤنجڠ سمبيلن هاري ڤرتام بولن ذوالحجة سبلوم تيباڽ هاري يڠ موليا ايت؟

انتارا عمل يڠ ڤاليڠ أوتام اونتوق دهيدوڤكن دان دليڤتكنداكن سڤنجڠ هاري-هاري ترسبوت اياله:

**ڤرتام:** ممڤرباٴيقكن سمبهيڠ سُنة. سمبهيڠ سُنة ممڤوڽاٴي كإيستيميوأن يڠ ترسنديري، كران اي برڤرانن سباڬاي ڤلڠكڤ دان ڤنمبل كڤد ككورڠن يڠ موڠكين برلاكو دالم سمبهيڠ فرض يڠ كيت كرجاكن. ملالوٴي سمبهيڠ سُنة، سأورڠ همبا ممڤرباٴيكي عبادهڽ سرتا مندكتكن ديري دڠن لبيه تولوس كڤد الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ.

ممندڠكن سڤولوه هاري ڤرتام بولن ذوالحجة مروڤاكن هاري-هاري يڠ موليا دان عمل عبادة ڤدڽ ڤاليڠ دسوكاٴي اوليه الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ، مک عمل سمبهيڠ سُنة سواجرڽ دڤرباٴيقكن سباڬاي تندا كسوڠڬوهن كيت دالم مربوت ڤلواڠ كبركتن يڠ بسر اين.

**كدوا:** ڤواسا سُنة. انتارا ڤواسا سُنة يڠ ساڠت دأنجوركن دالم سڤولوه هاري ڤرتام بولن ذوالحجة اياله ڤواسا سُنة عرفة، ياٴيت ڤد ٩ ذوالحجة. حكوم ڤواسا سُنة عرفة اداله سُنة مُؤَكَّدَة، ياٴيت سُنة يڠ ساڠت دتونتوت، خصوصڽ باڬي مريك يڠ تيدق منونيكن عبادة حج.

اداڤون باڬي جماعه حج يڠ سدڠ براد دتانه سوچي، مريك دسُنتكن اونتوق تيدق برڤواسا ڤد هاري عرفة، والاوڤون مريك بركممڤوان اونتوق برڤواسا. حال اين برتوجوان اڬر مريك ممڤوڽاٴي كڤواتن فيزيكل دان مينتل اونتوق ممڤرباٴيقكن دعاء سرتا عبادة كتيک براد دڤادڠ عرفة. بڬيتو جوڬ، ڤواسا سُنة اين تيدق دتونتوت كأتس اورڠ يڠ برمسافر اتاو اورڠ ساكيت سكيراڽ ڤواسا ترسبوت منداتڠكن كسوكرن دان كمضرتن كڤد مريک.

رسول الله صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تله منجلسكن كلبيهن دان فضيلة ڤواسا سُنة عرفة دالم سبواه حديث **درڤد أَبُو قَتَادَة** رَضِيَ ٱللَّهُ عَنْهُ، **بهاوا رسول الله** صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ **برسبدا: صِيَامُ يَوْمِ عَرَفَةَ، أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ، وَالسَّنَةَ الَّتِي بَعْدَهُ. مقصودڽ: ڤواسا هاري عرفة، اکو مموهون كڤد الله اڬر منبوس دوسا-دوسا ستاهون سبلومڽ سرتا ستاهون سلڤسڽ. {حديث رواية إمام مسلم}**

حديث اين برمقصود بهاوا ڤواسا سُنة ڤد هاري عرفة منجادي سبب الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ مڠهاڤوسكن دوسا-دوسا ستاهون يڠ تله برلالو دان ستاهون يڠ اكن داتڠ، سباڬاي ساتو بنتوق كنجرن دان رحمة درڤدڽ كڤد همبا يڠ برڤواسا دڠن ڤنوه كإيمانن دان كإخلاصن.

**كتيک:** ممڤرباٴيقكن ذِكِر

ذِكِر بوكن سقدر لفظ. إي اداله بينتيڠ هاتي. دڠن ذِكِر، الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ منڠكن جيوا، مڠاول إموسي دان ممبيمبيڠ كيت مميليه كات-كات سرتا تيندقن يڠ برهيمه. دالم سواسان سماس، اڤبيل مأنسي موده كليسه دان جڤت ماره، مک ذِكِر منجادي أوبتڽ. مک بركاٴيتن دڠن سڤولوه هاري ڤرتام بولن ذوالحجة اين، رسول الله صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مڠأنجوركن أومتڽ اڬر مليڤتكنداكن دان ممڤرباٴيقكن ذِكِر كڤد الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ ڤد هاري-هاري يڠ موليا اين ياٴيت سباڬاي تندا كشوكورن أتس سڬالا نعمت يڠ دكورنياكن. **درڤد عبدالله بن عمر** رَضِيَ ٱللَّهُ عَنْهُمَا، **رسول الله** صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ **برسبدا: مَا مِنْ أَيَّامٍ أَعْظَمُ عِنْدَ اللَّهِ، وَلَا أَحَبُّ إِلَيْهِ مِنَ الْعَمَلِ فِيهِنَّ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ الْعَشْرِ، فَأَكْثِرُوا فِيهِنَّ مِنَ التَّهْلِيلِ، وَالتَّكْبِيرِ، وَالتَّحْمِيدِ. مقصودڽ: "تيدق اد هاري-هاري يڠ لبيه اڬوڠ دسيسي الله سرتا تيدق اد هاري-هاري دمان عملن ڤد هاري-هاري ترسبوت لبيه دسوكاٴي اوليهڽ لبيه درڤد سڤولوه هاري ڤرتام بولن ذوالحجة اين. مک ڤرباٴيقكنله ڤد هاري-هاري ايت تهليل دان تكبير سرتا تحميد." {حديث رواية إمام أحمد}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

إينله انتارا عملن يڠ واجر دليڤتكنداكن دان دهيدوڤكن سڤنجڠ سڤولوه هاري ڤرتام بولن ذوالحجة. مک جاڠنله كيت بياركن هاري-هاري يڠ موليا اين برلالو تنڤا دمنفعتكن دڠن سباٴيكڽ. دالم ماس يڠ سام، كيت تروس منجاڬ سمبهيڠ تڤت ڤد وقتوڽ، تروس ممڤرباٴيقكن باچأن القرآن دان إستغفار، ممڤرباٴيقكن صدقه والاوڤون سديكيت كران الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ منيلاٴي كإخلاصنڽ، بربوات باٴيک كڤد كدوا إيبو باڤ، ممليهارا صِلَةُ الرَّحِمِ، مينتوني جيرن دان مريک يڠ ممرلوكن سرتا منجاڬ أخلاق دڠن مناهن ماره، منجاڬ ليده دان منجاوهي كات-كات يڠ مياكيتي.

سسوڠڬوهڽ اي اداله ڤلواڠ يڠ ساڠت برهرڬا اونتوق مندكتكن ديري كڤد الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دان منيڠكيكن درجت كيت دسيسيڽ. باڬي يڠ بركممڤوان سمڤورناكنله عبادة قربان دڠن ترتيب، إخلاص دان ممولياكن شعار الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ. باڬي يڠ بلوم ممڤو، جاڠن مراس ترهالڠ درڤد مرإيه ڤهالا، كران ڤينتو كباٴيكن ڤد هاري-هاري اين ساڠت لواس.

سموڬ الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ منريما سڬل عبادة دان عمل كباجيقن يڠ كيت لاكوكن، مڠورنياكن كبركتن، رحمة سرتا ڤرتولوڠنڽ كڤد كيت سموا. موده-مودهن كيت تركولوڠ دالم كالڠن همبا-همبا يڠ تيدق منسيا-سياكن وقتو-وقتو موليا يڠ دأنوڬرهكن اوليهڽ. آمين يا رَبَّ العالمين.

**دان برسڬراله كامو (مڠرجاكن عمل كباجيقن اونتوق ممباوا كامو) كڤد كأمڤونن درڤد توهن كامو دان كشرڬ يڠ لواسڽ سلواس لاڠيت دان بومي يڠ دسدياكن اونتوق اورڠ-اورڠ يڠ برتقوى.**

**{ سورة آل عمران أية: ١٣٣ }**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سڬل جنيس ڤڽاكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Menzahirkan imaginasi dari bongkah kayu yang padat bukanlah mudah kerana ia memerlukan tahap ketelitian yang tinggi dalam proses pembuatannya. Jika tidak ada asas kemahiran bertukang kayu, memang sukar untuk merealisasikan permintaan pelanggan yang pelbagai ragam.

Idea dan kreativiti sememangnya diperlukan untuk diadaptasi sebelum menjadi sesuatu benda mampu membangkitkan nilai estetika yang unik.

Menggunakan kayu terbuang sememangnya dapat memberikan modal minimum kerana bahan diperoleh daripada kayu terpakai. Ia juga mesra alam kerana dapat mengurangkan sisa buangan dan menyokong gaya hidup lestari. Hasil kerja juga mempunyai nilai keaslian dan identiti tersendiri.

# PBSM : Terus berbakti, hulurkan bantuan

**Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail dengan kerjasama Pejabat Sekretari Jeneral Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam**
**Foto : Ihsan Pejabat Sekretari Jeneral Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam**

**PERANAN** Ahli Bulan Sabit Merah di Negara Brunei Darussalam (NBD) memang sangat penting dalam menjaga kebajikan masyarakat dan menyokong usaha kemanusiaan. Mereka bukan sekadar sukarelawan, tetapi juga barisan hadapan dalam membantu ketika kecemasan dan bencana. Mereka juga menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada mereka yang memerlukan pada setiap masa.

Antara sumbangan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) NBD yang dapat dilihat ialah ketika wabak COVID-19 di negara ini yang mencetuskan satu fenomena yang agak mencabar bagi seluruh penduduk di negara ini dan pelbagai usaha telah dilakukan bagi membendung penularan wabak ini. Dalam hal ini, PBSM NBD tidak ketinggalan dengan memainkan peranan utama dalam menjadi sukarelawan barisan hadapan yang pertama sekali membantu Kementerian Kesihatan dan seterusnya berperanan menubuhkan kumpulan sukarelawan COVID-19 bersama pelbagai agensi kerajaan, swasta dan NGO lainnya.

Bersempena Sambutan Hari Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Sedunia 2026 ini, wakil Pelita Brunei berkesempatan untuk menemu bual wakil PBSM NBD :

**Apakah perkembangan ataupun kemajuan yang telah dicapai oleh PBSM NBD setakat ini sejak ditubuhkan pada 1997?**

Sejak diterima sebagai ahli rasmi Federasi Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah (IFRC) pada tahun 1997, telah berkembang dengan ketara dalam bidang bantuan kemanusiaan, latihan kecemasan, pertolongan cemas dan pembangunan sukarelawan. PBSM NBD ialah badan berkanun / kemanusiaan yang sah, bukan NGO biasa. PBSM NBD diperbadankan sebagai badan berkanun di bawah Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam Act, Chapter 159 (Akta Persatuan Bulan Sabit Merah, Penggal 159) pada tahun 1990. PBSM NBD tidak diklasifikasikan sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) biasa, sebaliknya ia bertindak sebagai Auxiliary (badan sokongan) kepada pihak berkuasa awam / kerajaan NBD dalam bidang kemanusiaan. Peranan Utama PBSM NBD adalah berfungsi menyediakan bantuan kemanusiaan, tindak balas kecemasan, dan memastikan keselamatan nyawa semasa perang, bencana, atau penularan penyakit (seperti COVID-19). PBSM NBD diiktiraf oleh Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC) pada tahun 1996 dan diterima sebagai Ahli IFRC pada tahun 1997 yang mana aktif dalam program kesiapsiagaan bencana, sokongan kesihatan mental, bantuan masyarakat rentan serta latihan pertolongan cemas di seluruh negara.

**Adakah inisiatif terbaharu untuk meningkatkan lagi keupayaan PBSM NBD di negara ini?**

Antara inisiatif terbaharu PBSM NBD ialah memperkukuhkan latihan tindak balas bencana, memperluaskan Program Community Based First Aid, serta meningkatkan kerjasama strategik bersama agensi kerajaan dan sektor swasta. PBSM NBD juga telah melaksanakan latihan Overseas Disaster Deployment Training (ODDT) bersama Singapore Red Cross bagi melahirkan pasukan yang bersedia untuk misi kemanusiaan dalam dan luar negara.

Pada Tahun 2025, PBSM NBD telah memperkenalkan dua perkhidmatan nilai tambah diperkenalkan oleh PBSM NBD bagi memperkukuh penyediaan Perkhidmatan Pertolongan Cemas iaitu : -

1. **BRC Care -** Menyediakan perkhidmatan penjagaan profesional untuk insan tersayang - sama ada di rumah mahupun di hospital. Daripada penjagaan kanak-kanak hingga warga emas, para penjaga (Caregiver) yang terlatih sentiasa memberikan bantuan dengan penuh kemahiran, keprihatinan dan kasih sayang. BRC Care komited untuk memastikan insan tersayang anda berada dalam jagaan yang selamat, selesa dan penuh perhatian, agar keluarga dapat menikmati ketenangan fikiran.

- Dilengkapi dengan Penjaga Terlatih dan Bertauliah Setiap penjaga dilengkapi dengan latihan asas penjagaan, pertolongan cemas serta pengendalian pesakit secara profesional.

- Penjagaan Mengikut Keperluan Individu Kami menyediakan perkhidmatan yang disesuaikan mengikut keperluan unik setiap individu dan keluarga.

2. **First Aider on Wheels -** Akan ditempatkan di persekitaran Bandar Seri Begawan semasa Acara Bandarku Ceria (BKC) pada setiap Ahad. Kehadiran peronda ini akan memastikan bantuan pertolongan cemas sentiasa tersedia bagi sebarang kejadian kecemasan yang melibatkan orang ramai. Pasukan peronda akan membantu pelawat dengan:

- Merawat kecederaan fizikal ringan
- Memberikan jaminan dan keselesaan kepada mangsa
- Menghubungi ambulans kecemasan sekiranya diperlukan

Inisiatif ini menzahirkan peranan PBSM NBD sebagai sebuah badan kemanusiaan yang berfungsi sebagai Auxiliary kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Melalui pendekatan ini, PBSM NBD bukan sahaja memperluas akses masyarakat terhadap bantuan kecemasan, malah turut menerapkan nilai-nilai Maqasid Syariah dalam setiap gerak kerja dan perkhidmatannya. Ia mencerminkan komitmen PBSM NBD untuk menyokong kesejahteraan rakyat, memperkukuh daya tahan komuniti, serta memastikan setiap usaha kemanusiaan selaras dengan prinsip syariah dan aspirasi negara.

**Bagaimana PBSM NBD membantu masyarakat di negara ini dalam keadaan kecemasan atau Bencana?**

Dalam situasi kecemasan atau bencana, PBSM NBD membantu masyarakat melalui penyediaan bantuan kecemasan, pengangkutan bukan perubatan, pengagihan makanan dan keperluan asas, sokongan psikososial, pengurusan pusat bantuan serta bantuan pertolongan cemas. Semasa pandemik COVID-19 misalnya, sukarelawan PBSM NBD membantu Kementerian Kesihatan dalam operasi Hotline, penghantaran ubat dan bantuan kepada golongan terjejas.

**Bagaimana Ahli PBSM NBD ini dapat mengimbangi komitmen PBSM NBD dengan kehidupan peribadi atau pekerjaan?**

Ahli PBSM NBD biasanya mengimbangi komitmen sukarelawan dengan kehidupan peribadi atau pekerjaan melalui pengurusan masa yang baik, disiplin dan semangat kesukarelawanan. Kebanyakan aktiviti dijalankan secara fleksibel mengikut jadual ahli. Sokongan daripada keluarga, majikan dan semangat kerja berpasukan juga memainkan peranan penting dalam memastikan keseimbangan tersebut dapat dicapai.

**Apakah cabaran terbesar yang dihadapi sebagai Ahli PBSM NBD?**

Cabaran terbesar sebagai Ahli PBSM NBD ialah menghadapi tekanan semasa operasi kecemasan, pengurusan masa, keletihan fizikal dan mental serta keperluan untuk sentiasa bersedia menghadapi situasi tidak dijangka. Selain itu, ahli juga perlu berhadapan dengan risiko semasa bertugas, terutama ketika bencana atau wabak penyakit.

**Apakah jenis Latihan atau kursus yang diikuti sebelum menjadi Ahli PBSM NBD?**

Sebelum menjadi ahli aktif PBSM NBD, seseorang biasanya akan mengikuti latihan asas seperti :

- Pengenalan kepada Gerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah
- Kursus Asas Pertolongan Cemas
- Kursus Pertolongan Cemas Psikologi
- Latihan Pengurusan Bencana
- CPR dan penggunaan AED
- Latihan komunikasi kecemasan
- Simulasi menyelamat dan operasi lapangan

Ahli PBSM NBD akan mempelajari serta mendalami tujuh Prinsip Asas Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah yang mana berfungsi sebagai panduan utama dalam memastikan bantuan kemanusiaan disampaikan secara efektif, adil, dan dipercayai, tanpa memihak dalam konflik atau bencana dan memastikan pertolongan diutamakan kepada yang paling memerlukan.

Tujuh prinsip-prinsip utama itu ialah kemanusiaan / saksama / berkecuali / kebebasan / khidmat sukarela / bersatu / kesejagatan.

PBSM NBD juga menyediakan latihan lanjutan bagi ahli yang terlibat dalam operasi khas atau pasukan tindak balas bencana.

Ahli PBSM NBD terdiri daripada ahli-ahli yang terlatih dalam pertolongan cemas dengan pensijilan bertauliah yang dikeluarkan oleh PBSM NBD. Pensijilan ini turut diiktiraf oleh International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies (IFRC), Global Reference First Aid Centre mengikut piawaian antarabangsa.




**Bagaimana PBSM NBD memastikan ahlinya sentiasa bersedia menghadapi situasi kecemasan?**

PBSM NBD memastikan ahlinya sentiasa bersedia melalui latihan berkala, simulasi kecemasan, kursus kemahiran, latihan lapangan dan kerjasama dengan agensi keselamatan dan kesihatan negara. Selain itu, latihan praktikal secara berkumpulan membantu ahli meningkatkan keyakinan dan kecekapan semasa operasi sebenar.

**Apakah kemahiran yang paling penting untuk dimiliki oleh seorang Ahli PBSM NBD?**

Antara kemahiran paling penting untuk dimiliki oleh Ahli PBSM NBD ialah :

- Kemahiran pertolongan cemas
- Komunikasi berkesan
- Kerja berpasukan
- Kepimpinan
- Ketahanan mental dan emosi
- Kemahiran membuat keputusan dalam situasi kecemasan
- Sikap prihatin dan semangat kemanusiaan

**Apakah nasihat kepada belia yang ingin menyertai PBSM NBD?**

Nasihat kepada belia yang ingin menyertai PBSM NBD ialah supaya mempunyai semangat sukarelawan, disiplin dan kesediaan untuk belajar perkara baharu. Penyertaan dalam PBSM NBD bukan sahaja memberi peluang membantu masyarakat, malah membentuk keyakinan diri, kepimpinan dan pengalaman berharga yang berguna untuk masa depan.

**Apakah harapan PBSM NBD terhadap perkembangan di masa depan?**

Harapan PBSM NBD pada masa depan ialah untuk melahirkan lebih ramai sukarelawan terlatih, meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kesiapsiagaan bencana dan pertolongan cemas serta memperkukuhkan jaringan kerjasama di peringkat nasional dan antarabangsa. PBSM NBD juga berharap budaya kesukarelawanan akan terus berkembang dalam kalangan generasi muda.

**Apakah persiapan PBSM NBD menghadapi masa hadapan?**

Dari segi persiapan masa hadapan, PBSM NBD sedang memperkukuhkan kapasiti latihan, memperluaskan program komuniti, meningkatkan penggunaan teknologi dalam pengurusan kecemasan serta membentuk lebih ramai anggota tindak balas bencana yang kompeten. Selain itu, PBSM NBD turut memberi fokus kepada kesiapsiagaan menghadapi cabaran baharu seperti perubahan iklim, bencana alam, isu kesihatan mental dan krisis kemanusiaan global.

Pada tahun ini, PBSM NBD akan melancarkan Pelan Strategik pertama bagi tempoh lima tahun akan datang, iaitu dari tahun 2026 hingga 2030, semasa Sambutan Hari Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Sedunia di Bandar Seri Begawan.

Pelan ini menggariskan visi strategik dan matlamat yang telah dikenal pasti bagi membantu PBSM NBD, sebagai sebuah organisasi kemanusiaan serta badan pembantu kepada kerajaan, merealisasikan potensinya dan melaksanakan misinya dengan lebih berkesan dalam memberikan khidmat kepada orang ramai, masyarakat serta komuniti yang lebih luas sebagai warga global.

Proses penyediaan Pelan Strategik sulung ini telah memberi peluang kepada kami untuk menilai kejayaan dan kelemahan yang lalu, menentukan visi serta matlamat masa hadapan sejajar dengan cabaran yang bakal dihadapi, dan seterusnya mengemukakan strategi bagi pembangunan organisasi.

Strategi-strategi ini dirangka bukan sahaja untuk memenuhi keperluan yang sentiasa berubah, malah untuk memastikan PBSM NBD sebagai sebuah organisasi yang aktif dan berperanan dapat terus memacu inisiatif kemanusiaan dan berasaskan komuniti demi kesejahteraan rakyat dan masyarakat secara menyeluruh.

BERITA GLOBAL

# ANAK KAPAL MV HONDIUS DIKUARANTIN DI ROTTERDAM SEJURUS TIBA

**THE HAGUE**, 16 Mei. - Kerajaan Belanda pada Jumaat mengumumkan kapal persiaran MV Hondius yang terjejas akibat Hantavirus dijangka tiba di Pelabuhan Rotterdam Isnin depan, dengan kebanyakan anak kapal akan menjalani kuarantin selama enam minggu di Rotterdam, Belanda, lapor Xinhua.

"Rotterdam telah ditetapkan di Belanda sebagai pelabuhan bagi pengendalian penyakit berjangkit dalam sektor perkapalan," menurut surat kepada Parlimen pada Jumaat yang ditandatangani Menteri Kesihatan, Kebajikan dan Sukan Belanda Sophie Hermans serta Menteri Luar Tom Berendsen.

Menurut Oceanwide Expeditions, pengendali kapal dari Belanda, terdapat 27 orang di atas kapal berkenaan termasuk 25 anak kapal dan dua petugas perubatan.

Kumpulan itu terdiri daripada 17 warga Republik Filipina, empat warga Belanda, empat warga Ukraine, seorang warga Persekutuan Rusia dan seorang warga Poland.

Menteri-menteri itu berkata sebahagian anak kapal akan menjalani kuarantin di rumah sebaik tiba, manakala mereka yang tidak dapat pulang segera ke negara asal akan ditempatkan di kemudahan kuarantin yang ditetapkan.

Berhubung 17 anak kapal warga Republik Filipina, Institut Kebangsaan Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Belanda (RIVM) mengesyorkan mereka kekal di Belanda sepanjang tempoh kuarantin enam minggu.

"Alasan bagi nasihat ini ialah kemungkinan terhad untuk melaksanakan dan menguatkuasakan kuarantin di negara asal, selain akses terhad kepada rawatan perubatan optimum sekiranya penyakit mula dikesan, dengan risiko setara terhadap kesihatan awam tempatan dan global serta kesihatan individu anak kapal terbabit," menurut surat itu.

Surat itu menjelaskan bahawa saranan RIVM dibuat selepas rundingan teliti dengan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan selaras dengan panduan WHO.

Kapal itu juga akan dibersihkan oleh syarikat khusus mengikut garis panduan RIVM, yang mengambil kira saranan WHO dan dilaksanakan dengan kerjasama rapat perkhidmatan kesihatan perbandaran Rotterdam.

"Langkah perlindungan diri diambil bagi memastikan petugas pembersihan tidak perlu menjalani kuarantin selepas kerja pembersihan," menurut surat itu. - ©BERNAMA

## Hujan lebat landa selatan Republik Rakyat China, cetus amaran banjir di Guangdong

**GUANGZHOU,** 16 Mei. - Hujan lebat melanda beberapa kawasan di wilayah Guangdong, selatan Republik Rakyat China dari Khamis hingga Jumaat, sekali gus mendorong pelaksanaan respons kecemasan kawalan banjir dan menyebabkan takungan air di beberapa kawasan bandar, lapor Xinhua.

Pihak berkuasa meteorologi berkata Pekan Duanfen di Bandar Jiangmen merekodkan taburan hujan sebanyak 310.5 milimeter (mm), tertinggi di wilayah itu dalam gelombang ribut terbaru.

Pada tengah hari Jumaat, awan gelap berkumpul dengan pantas di pusat bandar Guangzhou, ibu negeri wilayah itu, ketika hujan lebat melanda bandar berkenaan sehingga menyebabkan beberapa jalan ditenggelami air buat sementara waktu.

Menurut Pihak Berkuasa Air Guangzhou, stesen pemerhatian Taman Renmin di Daerah Yuexiu merekodkan taburan hujan sejam sebanyak 117.6mm pada 2 petang, tertinggi pernah direkodkan di stesen itu.

"Jumlah itu bersamaan dengan jumlah hujan yang biasanya diterima kawasan berkenaan dalam tempoh satu atau dua hari," kata seorang pegawai.

Menjelang 8 malam Jumaat, agensi itu menggerakkan 1,722 anggota respons kecemasan bagi menangani takungan air.

Balai cerap meteorologi Guangdong meramalkan lebih banyak hujan dari malam Jumaat hingga Ahad di barat Guangdong, Delta Sungai Mutiara dan kawasan pesisir di timur Guangdong.

Pihak berkuasa hidrologi memberi amaran bahawa paras air di beberapa sungai kecil dan sederhana boleh meningkat antara dua hingga enam meter.

Ketua peramal di pusat iklim wilayah itu, Li Zhihui menasihatkan orang ramai supaya mengurangkan aktiviti luar ketika hujan lebat dan menjauhi kawasan cerun bukit, tebing sungai serta kawasan rendah yang berisiko banjir.

Balai cerap kebangsaan Republik Rakyat China pada Jumaat memperbaharui amaran biru bagi ribut hujan dan cuaca perolakan kuat, dengan hujan lebat dijangka melanda beberapa kawasan di barat laut, barat daya dan selatan negara itu.

Menurut Pusat Meteorologi Kebangsaan, beberapa kawasan di lembangan Sichuan dan pesisir Guangdong dijangka menerima hujan sangat lebat sehingga 180mm. - ©BERNAMA

## Platform gas Venezuela meletup, 6 pekerja cedera

**CARACAS**, 16 Mei. - Letupan di sebuah platform gas asli di Tasik Maracaibo, barat Venezuela mencetuskan kebakaran pada Jumaat dan menyebabkan enam pekerja cedera, lapor Xinhua memetik kenyataan syarikat minyak milik kerajaan Petroleos de Venezuela S.A. (PDVSA).

PDVSA dalam satu kenyataan memaklumkan insiden itu berlaku di sebuah loji di perairan Tasik Maracaibo di negeri Zulia, sekali gus mengaktifkan protokol kecemasan keselamatan industri, termasuk pemindahan kakitangan serta pengerahan pasukan bomba dan penyelamat.

Menurut syarikat itu, pekerja yang cedera dibawa ke hospital untuk rawatan, manakala kebakaran berjaya dipadamkan kemudian.

PDVSA berkata satu jawatankuasa teknikal telah ditubuhkan bagi menyiasat punca letupan dan menegaskan insiden berkenaan tidak menjejaskan pengeluaran minyak dan gas di barat Venezuela. - ©BERNAMA

## Arab Saudi kenakan denda SAR20,000 bagi individu tunai haji tanpa permit

**RIYADH**, 16 Mei. - Direktorat Am Keselamatan Awam Arab Saudi menegaskan denda sehingga SAR20,000 (US$5,286) akan dikenakan terhadap sesiapa yang didapati menunaikan atau cuba menunaikan haji tanpa permit, lapor Agensi Berita Saudi (SPA).

Sekatan itu turut meliputi pemegang semua jenis visa lawatan yang cuba memasuki atau berada di Makkah serta kawasan suci dalam lingkungan geografi yang ditetapkan, berkuat kuasa dari 1 Zulkaedah hingga 14 Zulhijjah 1447H.

Direktorat itu menjelaskan kawasan geografi yang ditetapkan merangkumi Makkah serta laluan masuk rasmi dan tidak rasmi, kawasan utama, kawasan suci, Stesen Kereta Api Laju Haramain di Al-Rusayfah, pusat pemeriksaan keselamatan, pusat saringan dan pusat pemeriksaan sementara.

Penduduk dan individu yang cuba menyusup masuk untuk menunaikan haji akan dihantar pulang ke negara asal masing-masing serta dilarang memasuki Arab Saudi selama 10 tahun.

Direktorat itu turut menggesa orang ramai mematuhi peraturan dan arahan haji serta melaporkan pelanggaran peraturan dengan menghubungi 911 di wilayah Makkah, Madinah, Riyadh dan Timur, manakala 999 di wilayah lain di Arab Saudi. - ©BERNAMA

## Fujimori, Sánchez bakal bertembung dalam pilihan raya presiden pusingan penentu Peru

**MEXICO CITY,** 16 Mei. - Pihak berkuasa pilihan raya Peru pada Jumaat mengumumkan keputusan rasmi pengundian presiden bulan lalu, mengesahkan pertembungan pusingan penentu antara calon konservatif Keiko Fujimori dan pencabar berhaluan kiri Roberto Sánchez, lapor agensi berita Jerman dpa.

Kedua-dua calon itu akan berhadapan antara satu sama lain dalam pusingan seterusnya pada 7 Jun selepas proses pengiraan semua undi. Fujimori, anak kepada bekas presiden Alberto Fujimori yang pernah disabitkan atas pelanggaran hak asasi manusia, mendahului dengan 17 peratus undian.

Beliau mewakili parti konservatif Popular Force dan bertanding jawatan presiden buat kali keempat. Sánchez, bekas menteri di bawah bekas presiden Pedro Castillo yang kini dipenjarakan, memperoleh 12 peratus undi dan merupakan calon parti Together for Peru.

Seramai 35 calon bertanding pada pusingan pertama pilihan raya pada April. Situasi politik Peru amat tidak stabil, dibayangi ketegangan berterusan antara Parlimen dan kerajaan.

Presiden terakhir yang melengkapkan penggal penuh lima tahun ialah Ollanta Humala, yang mentadbir dari 2011 hingga 2016. Presiden semasa José María Balcázar merupakan ketua negara kelapan Peru dalam tempoh sedekad lalu. - ©BERNAMA

## Stesen Kereta Api Laju Haramain permudah akses jemaah haji, umrah

**JEDDAH**, 16 Mei. - Stesen Kereta Api Laju Haramain di Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdulaziz terus memainkan peranan penting dalam memberi perkhidmatan kepada penumpang, jemaah haji dan umrah sebagai antara hab pengangkutan bersepadu utama di Arab Saudi, lapor Agensi Berita Saudi (SPA).

Kemudahan itu turut menyediakan jaringan terus antara pengangkutan udara dan rel, sekali gus meningkatkan kecekapan pergerakan serta akses antara bandar utama, khususnya pada musim haji dan umrah.

Stesen berkenaan dihubungkan terus dengan Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdulaziz, membolehkan penumpang beralih antara penerbangan dan perkhidmatan kereta api tanpa perlu menggunakan pengangkutan tambahan.

Sistem pengangkutan bersepadu itu bertujuan meningkatkan pengalaman perjalanan dan memastikan kelancaran pergerakan jemaah yang tiba di lapangan terbang berkenaan.

Kereta Api Laju Haramain adalah antara tren terpantas di dunia, beroperasi pada kelajuan sehingga 300 kilometer sejam membabitkan laluan sepanjang 453 kilometer yang menghubungkan Makkah dan Madinah menerusi stesen di Jeddah, King Abdullah Economic City dan Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdulaziz. Ia sekali gus menjadikannya antara projek pengangkutan moden paling penting di rantau itu.

Stesen kereta api berkenaan diklasifikasikan sebagai antara stesen kereta api bersambung lapangan terbang terbesar di dunia, dengan keluasan kira-kira 105,300 meter persegi. Ia direka dan dilengkapi sistem operasi serta teknologi terkini bagi menampung jumlah penumpang yang tinggi, selain meningkatkan kecekapan operasi dan perkhidmatan di dalam stesen.

Stesen berkenaan membantu menyediakan akses yang pantas dan selamat kepada jemaah, dengan perjalanan ke Makkah mengambil masa kira-kira 45 minit, manakala perjalanan ke Madinah sekitar satu jam 45 minit.

Kemudahan itu memudahkan pergerakan jemaah haji dan umrah antara pelbagai destinasi, selain menyokong integrasi mod pengangkutan dalam sistem pengangkutan dan logistik Arab Saudi.

Stesen lapangan terbang itu juga memainkan peranan penting dalam menyokong pelan operasi haji dan umrah menerusi keupayaannya menampung jumlah penumpang yang besar serta memudahkan ketibaan dan pelepasan melalui penyepaduan perkhidmatan pengangkutan udara dan rel.

Ia mencerminkan pembangunan besar sektor pengangkutan dan logistik Arab Saudi sejajar dengan matlamat Wawasan Saudi 2030 dan Program Pengalaman Jemaah.

Saudi Arabia Railways baru-baru ini mengumumkan pelan operasinya bagi musim haji 1447H, termasuk mengendalikan lebih 5,300 perjalanan dan menyediakan lebih 2.21 juta tempat duduk menerusi Kereta Api Laju Haramain. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# WHO ISYTIHAR WABAK EBOLA DI REPUBLIK DEMOKRATIK CONGO, UGANDA SEBAGAI KECEMASAN KESIHATAN AWAM

**GENEVA**, 17 Mei. - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Ahad mengisytiharkan kecemasan kesihatan awam antarabangsa susulan wabak Ebola di Republik Demokratik Congo (DRC) dan Uganda, lapor agensi berita Jerman (dpa).

WHO menyatakan bahawa Ketua Pengarahnya Tedros Adhanom Ghebreyesus memutuskan bahawa "penyakit Ebola yang disebabkan virus Bundibugyo di Republik Demokratik Congo dan Uganda merupakan kecemasan kesihatan awam keprihatinan antarabangsa (PHEIC), namun tidak memenuhi kriteria kecemasan pandemik".

Menurut WHO, pengisytiharan itu bertujuan meletakkan negara jiran dalam keadaan waspada yang lebih tinggi selain menggerakkan sokongan daripada masyarakat antarabangsa.

Pertubuhan itu berkata setakat Sabtu, "lapan kes disahkan makmal, 246 kes disyaki dan 80 kematian disyaki telah dilaporkan di Wilayah Ituri, Republik Demokratik Congo melibatkan sekurang-kurangnya tiga zon kesihatan". Wilayah Ituri bersempadan dengan Uganda dan Sudan Selatan di timur laut DRC.

"Selain itu, dua kes disahkan makmal (termasuk satu kematian) tanpa kaitan jelas antara satu sama lain telah dilaporkan di Kampala, Uganda, dalam tempoh 24 jam pada 15 dan 16 Mei 2026, melibatkan dua individu yang melakukan perjalanan dari Republik Demokratik Congo".

Menurut Robert Koch Institute di Republik Persekutuan Jerman, kadar kematian Ebola boleh mencecah sehingga 90 peratus sekiranya individu yang dijangkiti tidak menerima rawatan segera.

Lebih 11,000 orang maut semasa wabak itu melanda Afrika Barat pada 2014 dan 2015.

Kes Ebola terbaharu di Republik Demokratik Congo sebelum ini dilaporkan pada September apabila 45 orang maut di wilayah Kasai di barat daya negara itu semasa wabak Ebola ke-16 di Republik Demokratik Congo sejak 1976. - ©BERNAMA

# 2 rakyat Republik Korea Selatan diselamatkan selepas ditawan dalam kes berkaitan penipuan di Kemboja

**SEOUL**, 17 Mei. - Dua rakyat Republik Korea Selatan yang ditawan di Kemboja dalam insiden berkaitan penipuan berjaya diselamatkan dalam operasi berasingan hasil kerjasama pihak berkuasa Republik Korea Selatan dan Kemboja, menurut polis pada Ahad.

Agensi berita Yonhap melaporkan seorang lelaki berusia 30-an yang merupakan orang kurang upaya (OKU) pergi ke Kemboja melalui Republik Sosialis Viet Nam selepas melihat hantaran media sosial yang mengiklankan peluang pengambilan khas bagi golongan OKU.

Bagaimanapun, beliau gagal mendapatkan pekerjaan dan kemudiannya ditawan di sebuah hotel di bandar Sihanoukville, Kemboja.

Menurut polis, selepas cubaan melarikan diri gagal, lelaki itu dikasari dan diugut supaya membayar US$20,000 sebelum diselamatkan pada 7 Mei lepas.

Polis Republik Korea Selatan sedang menjalankan siasatan susulan terhadap ejen dan pihak lain yang memperdaya mangsa ke Kemboja menerusi iklan jawatan kosong palsu itu.

Secara berasingan, satu lagi laporan mengenai kes tawanan turut dibuat di Phnom Penh, Kemboja pada 10 Mei lepas.

Seorang wanita Republik Korea Selatan berusia lingkungan 20-an pergi ke Kemboja untuk bertemu seorang lelaki warga Republik Rakyat China yang dikenalinya secara dalam talian, namun kemudiannya dikurung dan diancam menerusi mesej yang menyatakan beliau tidak akan dibebaskan melainkan sejumlah wang dibayar.

Selepas laporan dibuat, Korean Desk, iaitu pasukan petugas polis bersama Republik Korea Selatan-Kemboja, melancarkan operasi dan menyelamatkan wanita itu pada keesokan harinya di samping menahan suspek warga Republik Rakyat China berkenaan.

"Kes penculikan dan kurungan tanpa kebenaran yang berselindung di sebalik tawaran pekerjaan di luar negara terus berlaku di negara Asia Tenggara seperti Kemboja. Orang ramai perlu berwaspada," kata Pemangku Ketua Biro Kerjasama Antarabangsa di bawah Agensi Polis Kebangsaan Korea, Park Joon-sung.

Pada November tahun lalu, Republik Korea Selatan dan Kemboja menubuhkan pasukan bersama bagi mengendalikan jenayah membabitkan rakyat Republik Korea Selatan di negara Asia Tenggara itu susulan kemarahan orang ramai terhadap kematian seorang pelajar kolej Korea akibat diseksa di Kemboja pada Ogos, yang dipercayai menjadi mangsa penipuan pekerjaan. - ©BERNAMA

# Forum Bandar Sedunia Ke-13 bakal dibuka di Baku

**BAKU**, 17 Mei. - Sesi ke-13 Forum Bandar Sedunia (WUF13), yang dianjurkan bersama oleh Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-Habitat) dan Kerajaan Republik Azerbaijan, akan dibuka pada 17 Mei di Baku, lapor Agensi Berita Azerbaijan (Azertac).

Prosiding akan dimulakan secara rasmi dengan Upacara Menaikkan Bendera WUF13 dengan bendera Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Republik Azerbaijan dinaikkan secara istiadat.

Pada hari pembukaan WUF13, Azerbaijan akan mempengerusikan Mesyuarat Peringkat Menteri mengenai Agenda Bandar Baharu, yang diperkenalkan sebagai inisiatif baharu dalam program Forum itu.

Mesyuarat itu akan menjadi platform penting untuk menilai kemajuan yang dicapai setakat ini, mengenal pasti cabaran sedia ada serta menggariskan keutamaan bagi fasa pelaksanaan seterusnya.

Siri sesi perhimpunan turut akan diadakan dalam rangka Forum itu.

Prosiding akan bermula dengan Pembukaan Bersama Perhimpunan, diikuti Perhimpunan Wanita, Perhimpunan Sedunia Kerajaan Tempatan dan Serantau, Perhimpunan Pertubuhan Akar Umbi dan Masyarakat Sivil, Perhimpunan Kanak-Kanak dan Belia serta Perhimpunan Perniagaan selaras program rasmi.

WUF13 yang berlangsung di Baku dari 17 hingga 22 Mei akan diadakan bertemakan 'Housing the world: Safe and resilient cities and communities'.

Maklumat lanjut mengenai sesi dan acara yang dijadual berlangsung pada 17 Mei boleh diperoleh menerusi laman program rasmi WUF13. - ©BERNAMA

# Kapal persiaran besar kedua buatan China memulakan percubaan laut pertama

**SHANGHAI,** 16 Mei. - Kapal persiaran besar kedua buatan domestik China telah belayar pada Sabtu untuk percubaan laut selama 12 hari, langkah utama terakhir sebelum penghantaran rasmi kapal itu ketika negara itu mengembangkan usahanya ke dalam pasaran pelancongan pelayaran.

Pembina kapal, Shanghai Waigaoqiao Shipbuilding Co., Ltd., anak syarikat China State Shipbuilding Corporation (CSSC), menjemput sekumpulan 937 profesional dari 12 negara untuk pelayaran percubaan sulung.

Semasa perjalanan itu, mereka akan menjalankan 149 ujian dan tugas pengesahan untuk mengesahkan petunjuk prestasi utama kapal yang dinamakan Adora Flora City, yang telah dibongkar di Shanghai pada 20 Mac.

Berukuran 341 meter panjang, dengan berat kasar 141,900, kapal persiaran ini mempunyai 2,130 kabin dan suite, dengan kapasiti penumpang 5,232. Sebuah kapal saudara kepada Adora Magic City, Adora Flora City mendapat manfaat daripada penaiktarafan komprehensif dalam reka bentuk ruang, teknologi pintar dan pengalaman pelayaran keseluruhan, menurut pembuat kapal itu.

Kapal baharu itu dijadualkan untuk penghantaran pada 6 November, apabila ia akan melancarkan laluan antarabangsa dari Pelabuhan Utama Pelayaran Antarabangsa Nansha di Guangzhou, ibu kota Wilayah Guangdong di selatan China. - ©XINHUA

# Gunung Semeru di Republik Indonesia meletus, orang ramai digesa jauhi kawasan berisiko

**JAKARTA**, 17 Mei. - Pihak berkuasa Republik Indonesia menasihati orang ramai supaya menjauhi kawasan berisiko tinggi di sekitar Gunung Semeru selepas gunung berapi itu meletus beberapa kali sepanjang hujung minggu.

Gunung berapi itu meletus sebanyak tiga kali pada pagi Ahad dengan memuntahkan awan mengandungi abu setinggi 700 meter dari puncaknya.

Pada Sabtu, ia meletus dua kali dalam tempoh kira-kira 90 minit, dengan awan mengandungi abu tertinggi mencecah sehingga 1,000 meter ke udara, menurut agensi berita Antara yang memetik Pusat Vulkanologi dan Mitigasi Bencana Geologi (PVMBG).

Gunung Semeru kekal pada Status Tahap III (Siaga), menurut PVMBG.

Ia turut menggesa orang ramai agar tidak menjalankan sebarang aktiviti dalam lingkungan 13 kilometer di bahagian tenggara puncak Gunung Semeru sepanjang Besuk Kobokan, alur sungai yang terdedah kepada aliran lava dan awan panas.

Penduduk serta pengunjung juga dilarang menjalankan aktiviti dalam radius lima kilometer dari kawah berikutan risiko lontaran batu pijar. - ©BERNAMA

# Punca perlanggaran kereta api-bas di Bangkok akan disiasat secara teliti

**BANGKOK,** 17 Mei. - Pihak berkuasa Thailand akan menyiasat sepenuhnya punca perlanggaran kereta api-bas di Bangkok dan membantu mereka yang cedera, kata Perdana Menteri, Anutin Charnvirakul pada malam Sabtu di tempat kejadian.

Sekitar jam 3:40 petang waktu tempatan, sebuah kereta api yang dalam perjalanan dari Wilayah Chachoengsao ke Bang Sue di Bangkok telah berlanggar dengan sebuah bas di lintasan kereta api di pusat bandar Bangkok, mencetuskan kebakaran yang disertai dengan bunyi dentuman. Beberapa kereta dan motosikal lain turut terlibat.

Pasukan penyelamat bergegas ke tempat kejadian untuk memadamkan kebakaran dan menjalankan operasi menyelamat. Api terbuka telah dipadamkan sepenuhnya setakat ini, dan semua yang cedera telah dihantar ke hospital berdekatan untuk rawatan.

Kemalangan itu telah menyebabkan lapan kematian dan 32 kecederaan, kata Kementerian Pengangkutan Thailand dalam satu kenyataan. Semua yang terkorban adalah orang di dalam bas tersebut.

Dilaporkan bahawa seorang warganegara China yang cedera ringan dalam kemalangan itu dan dihantar ke hospital untuk rawatan telah meninggalkan hospital dengan selamat. - ©XINHUA




# GALAKKAN KESEJAHTERAAN PEKERJA MELALUI ENDUROX CHALLENGE




YANG Berhormat Menteri Kesihatan yang juga merangkap Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri sekali), manakala gambar kiri, para pemenang semasa sesi bergambar ramai.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jerudong Park Medical Centre**

**JERUDONG**, Ahad, 17 Mei. - Jerudong Park Medical Centre (JPMC) telah menganjurkan pertandingan kecergasan berpasukan pertama melibatkan seluruh syarikat, iaitu The One Fitness : EnduROX Challenge 2026 yang diadakan di Kawasan Kolam Renang JPMC.

Acara ini juga menandakan pelancaran rasmi The One Fitness, sebuah platform baharu yang akan menjadi payung kepada pelbagai aktiviti kecergasan dan kesejahteraan yang akan dianjurkan untuk warga kerja JPMC pada masa hadapan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang juga merangkap Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Dianjurkan di bawah inisiatif Perkhidmatan Pengurusan Sumber Manusia JPMC bagi kesejahteraan pekerja, The One Fitness diperkenalkan sebagai platform baharu untuk menggalakkan gaya hidup lebih sihat serta mengukuhkan hubungan di tempat kerja dalam kalangan pekerja.

Di bawah tonggak kesejahteraan Body : Be Well, inisiatif ini dilancarkan melalui EnduROX Challenge 2026 yang julung kali diadakan dengan tema 'Stronger Together'.

Melalui semangat kerja berpasukan, kerjasama dan persaingan secara sihat, cabaran ini bertujuan untuk menggalakkan kesejahteraan fizikal sambil memupuk hubungan yang lebih erat dalam kalangan warga JPMC, selaras dengan visi negara untuk mencapai 'Kualiti Hidup Tinggi' bagi rakyatnya.

Seramai 120 kakitangan, dibahagikan kepada 30 pasukan, telah mendaftar bagi menyertai EnduROX Challenge yang merangkumi lapan jenis senaman yang perlu diselesaikan dalam tempoh masa tertentu, termasuk Farmer's Carry, Burpee Broad Jumps, Forward Lunges dan pelbagai aktiviti berasaskan ketahanan fizikal yang lain.

"The One Fitness mencerminkan komitmen kami dalam mewujudkan budaya tempat kerja yang mengutamakan kesejahteraan pekerja, hubungan sesama warga kerja dan daya tahan," ujar Ketua Pegawai Sumber Manusia JPMC, Salehin Basir.

"Melalui inisiatif seperti EnduROX Challenge, kami berharap dapat menggalakkan warga kerja kami untuk saling menyokong, kekal aktif dan mengamalkan gaya hidup sihat bersama-sama," tambahnya.

Di JPMC, para pekerja bukan sekadar penjaga kesihatan, malah individu yang cekal dalam memikul tanggungjawab menjaga orang lain sambil terus menunjukkan kekuatan, semangat berpasukan dan dedikasi setiap hari.

Melalui inisiatif seperti The One Fitness, JPMC berharap dapat menyediakan ruang untuk para pekerja menyegarkan diri, berhubung antara satu sama lain dan menjadi lebih kuat bersama, baik dari segi fizikal mahupun mental. Turut hadir semasa acara tersebut ialah Ahli-ahli Pasukan Pengurusan Eksekutif dan Pengurusan Kanan JPMC serta warga kerja JPMC.

# Perlawanan badminton eratkan persahabatan

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Bengkurung Veteran Badminton Community**

**KOTA KINABALU**, Ahad, 17 Mei. - Bengkurung Veteran Badminton Community (BVBC) telah mengadakan Perlawanan Badminton Persahabatan dengan Pasukan Prison Veteran Badminton Club Sabah pada 16 Mei 2026 bertempat dewan Pahlawan Kompleks Penjara Kota Kinabalu Sabah.

Mengetuai rombongan adalah Presiden BVBC, Awang Haji Mohd. Aliddin bin Haji Kura, manakala Pengerusi Kelab Prison Veteran Badminton Club Sabah diketuai oleh Mohd. Saiful bin Mat Yasing dan Setiausaha kelabnya, SM Sahiran bin Muhjin.

Hadir sama, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B', yang juga merupakan salah seorang pemain BVBC. Adapun tujuan perlawanan ini diadakan adalah untuk mengeratkan lagi tanda persahabatan kedua-dua kelab khasnya dan negara amnya.

**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Lumapas 'B', yang juga merupakan salah seorang pemain BVBC semasa menyertai sesi bergambar ramai.**

